

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)

BAHASA MELAYU TAHUN 4

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

PENULIS

ABDUL RAHMAN KAMIL BIN ABU NAIM
AMRAN BIN BAKAR
ROHANA BINTI MAT AMIN

EDITOR

NORAZURA BINTI ABDUL SAMAT
FAZILAH BINTI MOHAMEDENI

PEREKA BENTUK

NORHESAM BIN HASHIM

ILUSTRATOR

AMINURASHID BIN YEOP AZIZ



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0021

KK 499-221-0102011-49-2471-20101
ISBN 978-983-49-2471-3

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 14 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.,
No. 12, Jalan 4/118C,
Desa Tun Razak,
56000 Cheras,
Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penerbitan pakej buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada pihak yang terlibat:

- Pakar Rujuk Bahasa,
Tuan Haji Muhammed Salehudin bin Aman.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera (NSK),
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, dan Bahagian Pembangunan Kurikulum,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu,
Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar,
Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Cawangan Sabah.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Bank Negara Malaysia.
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Sabah.
- Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Sarawak.
- Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
- Muzium Layang-layang Pasir Gudang.
- Sekolah Kebangsaan Setiawangsa.
- Malaysia Hindu Sangam.
- Persatuan Buddhist Malaysia.
- Sani United Berhad.
- Zull Design Autotronic.
- 99 SpeedMart.
- Prof. Madya Dr. Thock Ker Pong.
- Prof. Madya Dr. Norela binti Sulaiman.
- Muhammad Imran Ismail bin Shariman.

KANDUNGAN

Pendahuluan

iv

TEMA 1

HARMONI SENTIASA

1

Unit 1 Tiga Sahabat

2

Unit 2 Jiran Sepakat

7

Unit 3 Misi Mulia

12

TEMA 2

KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

21

Unit 4 Kesihatan Harus Dijaga

22

Unit 5 Bersihnya Kami

27

Unit 6 Amalan Bersih dan Sihat

32

TEMA 3

WASPADA PASTI SELAMAT

41

Unit 7 Waspada Amalan Kita

42

Unit 8 Sekolah Kami Selamat

46

Unit 9 Kamu Mampu Mengubahnya

51

TEMA 4

INDAHNYA BUDAYA, HALUSNYA SENI

60

Unit 10 Hidup Berbudaya

61

Unit 11 Seni Penyeri Kehidupan

66

Unit 12 Cantik Menawan

71

TEMA 5

ALAM BERSIH HIDUP SEJAHTERA

81

Unit 13 Prihatin akan Alam

82

Unit 14 Bersikap Mesra Alam

87

Unit 15 Selamatkan Alam Kita

92

TEMA 6

MALAYSIA BUMI BERTUAH

101

Unit 16 Bangganya Kami

102

Unit 17 Malaysia Tercinta

107

Unit 18 Negaraku Hebat

112

TEMA 7

KUASAI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

122

Unit 19 Cerdik Sains

123

Unit 20 Mesra Teknologi

128

Unit 21 Rekaan Inovatif

133

TEMA 8

BIJAK BELANJA CELIK WANG

142

Unit 22 Belanja Berhemat

143

Unit 23 Maju dan Berjaya

148

Unit 24 Bijak Kewangan

153

PENDAHULUAN

Buku teks *Bahasa Melayu Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)* bagi kegunaan mulai tahun 2020 dihasilkan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan buku ini dihasilkan adalah untuk melahirkan murid Tahun 4 SJK yang dapat menguasai kemahiran berbahasa dan menekankan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) selaras dengan hasrat pendidikan negara.

Buku ini mempunyai lapan tema, iaitu:



• Masyarakat dan Budaya



• Kebersihan dan Kesihatan



• Keselamatan



• Kebudayaan, Kesenian dan Estetika



• Kelestarian Alam



• Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan



• Sains, Teknologi dan Inovasi



• Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Setiap tema mengandungi tiga unit dan jumlah keseluruhannya 24 unit. Setiap unit mengandungi Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Aspek Seni Bahasa dan Aspek Tatabahasa. Pada akhir setiap tema, terdapat aktiviti 4P, iaitu Pemulihan, Pengayaan, Pengukuhan dan Penilaian.

Kandungan buku teks ini dipersembahkan secara modular bagi memudahkan murid menguasai Standard Pembelajaran (SP) dalam proses pembelajaran. Elemen Merentas Kurikulum (EMK) sentiasa diterapkan bagi mempelbagaikan pengetahuan dan kemahiran murid.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga diterapkan dalam buku ini. Hal ini bertujuan untuk melatih murid agar berfikir secara kritis dan kreatif.

Seterusnya, bahan berunsur didik hibur turut dimuatkan bagi menyokong kemahiran dan menimbulkan keseronokan dalam pembelajaran. Bahan seperti jalur komik, lagu kanak-kanak, cerita dan permainan bahasa dipersembahkan dengan bantuan grafik, ilustrasi dan gambar foto yang menarik. Bahan ini mampu menarik minat murid untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu.

Ikon digunakan untuk memudahkan penggunaan buku ini. Penerangan tentang ikon ini adalah seperti yang berikut:

PENERANGAN IKON BUKU TEKS

TEMA 1
Permulaan Tema



Aktiviti Tema
Murid perlu melakukan aktiviti berdasarkan bahan yang disediakan pada halaman rangsangan.



Kemahiran Membaca
Melahirkan murid yang berupaya untuk membaca, memahami dan menaakul pelbagai bahan.



KBAT
Menunjukkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.




Kemahiran Mendengar dan Bertutur
Melahirkan murid yang dapat berkomunikasi dan menyampaikan maklumat serta idea yang kreatif dan kritis.



Aktiviti Mendengar dan Bertutur
Memerlukan murid memberikan respons secara lisan.



Aspek Tatabahasa
Melahirkan murid yang dapat menguasai dan menggunakan tatabahasa dengan betulnya.



Kemahiran Menulis
Menguji keupayaan murid menghasilkan penulisan dan menyampaikan maklumat.



Aktiviti Menulis
Memerlukan murid memberikan jawapan secara bertulis.



Celik Bahasa
Maklumat berkaitan dengan tatabahasa yang boleh dirujuk.



Celik Ilmu
Rujukan yang menerangkan makna perkataan atau maklumat tambahan.



Aspek Seni Bahasa

Melahirkan murid yang berupaya untuk mengungkapkan, memahami dan menghargai bahasa yang indah.



Kod QR
Maklumat yang menyokong kandungan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.



Bacaan Luas
Bahan yang disediakan untuk menambahkan pengetahuan murid.



Kerja Projek
Aktiviti yang dicadangkan.

Aktiviti 4P



Pengukuhan



Penilaian



Pemulihan



Pengayaan

Standard Pembelajaran

Nota Guru

Nota Guru

Panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti. Nota ini memberikan cadangan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti yang terdapat pada halaman berkaitan.

Ikun Penilaian Murid



CADANGAN PENGGUNAAN BUKU TEKS

- Buku teks ialah bahan sokongan kurikulum yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Bahan dalam buku teks boleh dijadikan panduan bagi mencapai Standard Pembelajaran (SP).
- Guru boleh menggunakan mana-mana bahan yang sesuai daripada buku teks tanpa terikat dengan urutan halamannya.
- Guru boleh menggunakan bahan dalam buku teks dan mengubahsuainya mengikut kemampuan murid.
- Guru boleh memanfaatkan maklumat yang disediakan dalam Nota Guru bagi menghasilkan rancangan pengajaran yang berkesan.

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Diharapkan buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru dan murid Tahun 4 SJK. Dengan ini, usaha untuk melahirkan murid yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang dimatlamatkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat direalisasikan.

Panel Penulis

TEMA

1

HARMONI SENTIASA

Buah kuini gugur ke bumi,
Gugur menimpa dahan bidara;
Masyarakat harmoni impian kami,
Bertegur sapa beramah mesra.



Ikan gelama ikan kerisi,
Mencari makan di laut biru;
Bekerjasama jayakan misi,
Membantu rakan dan juga guru.

Nota
Guru



- Lafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- Murid bercerita berdasarkan gambar.





Dengar dan sebut.

Suara Harmoni

Itu poster tentang Suara Harmoni.

Poster tentang apa?



Poster tentang Suara Harmoni.



Kawan-kawan, mari kita sertai pertandingan ini. Suara Harmoni ialah pertandingan bernyanyi secara berkumpulan.

Pertandingan bernyanyi secara berkumpulan?

Ya, Aidil.

Syarat bagi pertandingan itu ialah setiap kumpulan mestilah terdiri daripada pelbagai kaum.

Minta sebut semula syarat pertandingan itu.

Secara berkumpulan, lakonkan.

Nota Guru

- Bimbing murid mendengar dan mengecam sebutan.
- Minta murid membuat simulasi.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: KP – Interpersonal

EMK: Nilai Murni – Keberanian





Baca dan fahami petikan.

Berlatih Bersama-sama

Chun Han, Aidil dan Dinesh membuat keputusan untuk menyertai Pertandingan Suara Harmoni. Sebelum pertandingan berlangsung, mereka berbincang untuk membuat persediaan.

“Mari kita berlatih di rumah saya,” kata Chun Han.

Aidil dan Dinesh bersetuju. Mereka juga bersepakat untuk memilih lagu yang bertajuk “Teman Setia”. Lagu itu membawa mesej persahabatan.

Semasa berlatih, kakak Chun Han turut membimbing mereka membuat persembahan. Dia merakamkan persembahan dengan menggunakan video. Oleh sebab itu, mereka dapat mengenal pasti kelemahan menerusi rakaman tersebut.

“Amboi, kamu bertiga berbakat! Kakak yakin jika kamu rajin berusaha, kamu pasti akan berjaya kerana usaha tangga kejayaan,” kata kakak Chun Han.

Chun Han, Aidil dan Dinesh mengangguk tanda bersetuju.



1. Nyatakan persediaan yang dilakukan oleh Chun Han dan rakan-rakannya.
2. Bagaimanakah mereka dapat meningkatkan mutu persembahan? Berikan cadangan.



Nota Guru

- Bimbing murid membaca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
- Minta murid menjawab pernyataan dan soalan.



KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: BCB – Bacaan Mekanis

EMK: Nilai Murni – Kerjasama

2.1.1

Tulis ayat.

Meriahnya Suasana

SELAMAT DATANG
HARI MESRA PENDUDUK
TAMAN SUTERA



Penduduk Taman Sutera menganjurkan Hari Mesra Penduduk.

*Penduduk Taman Sutera menganjurkan
Hari Mesra Penduduk.*

Penduduk Taman Sutera bekerjasama menjayakan Hari Mesra Penduduk.



Chun Han, Dinesh dan Aidil saling membantu menyusun peralatan sukan.




Suasana pada Hari Mesra Penduduk sungguh meriah.





Rakan Ronda

Chun Han bersahabat baik dengan Dinesh dan Aidil. Hubungan mereka **bagai isi dengan kuku**. Mereka selalu berbasikal di sekitar kawasan perumahan mereka. Mereka suka meronda untuk beriadah sambil **ambil angin**. Penduduk Taman Sutera menggelar mereka “Rakan Ronda”.



Pada suatu hari...

Eh, saya terdengar suara orang menangis!

Rupa-rupanya, Najwa sedang menangis. Kucingnya, Si Gebu, hilang.

Saya sangat sedih dan **susah hati**.

Rakan Ronda segera mencari Si Gebu. Kucing itu berbulu **putih seperti kapas**.

Si Gebu!

Si Gebu!

Akhirnya...

Miau... miau

Itu Si Gebu.

Mari kita selamatkan Si Gebu.

Terima kasih kerana menyelamatkan kucing saya.

Sama-sama.

Kita perlu tolong-menolong **bagai aur dengan tebing**.



Nota Guru

- Bimbing murid bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa.
 - Minta murid mempersembahkan cerita.
- KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik EMK: Bahasa

4.1.1


















Kata Nama Am

Permainan Kata

Chun Han, Dinesh dan Aidil bermain Permainan Kata. Dalam permainan itu, mereka perlu mengenal pasti kata nama am. Kemudian, mereka perlu melengkapkan dan membina ayat dengan kata nama am berpandukan rajah yang diberikan.

Contoh: Siew Min memberikan buah A2 kepada rakan baharunya.

Jawapan: betik

	1	2	3	4
A	 pokok	 betik	 rumput	 kubis
B	 kerbau	 angsa	 lebah	 burung
C	 tangga	 pencakar	 khemah	 cangkul
D	 bomba	 peladang	 muzium	 hospital

Lengkapkan ayat.

- Nora dan Prema sedang membaca buku di bawah A1.
- Encik Halim membantu jirannya yang disengat B3.

Bina ayat.

- A3
- B2
- C3
- D4



CELIK BAHASA

Kata nama am ialah perkataan yang merujuk benda, perkara atau konsep yang umum sifatnya.
Contoh: kawan, bunga, semut, dinding

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata nama am.
- Minta murid melengkapkan dan membina ayat dengan kata nama am.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Nilai Murni – Baik Hati





Dengar dan berikan respons.

Lorong Tercantik

Tahniah, Mei Fung! Lorong rumah kamu menjadi johan Pertandingan Lorong Tercantik.



Terima kasih, Najwa. Saya berasa amat gembira dan bangga.

Lorong rumah kamu sungguh bersih dan indah. Memang layak lorong rumah kamu memenangi pertandingan itu.



kemenangan – hasil kerjasama – jiran tetangga

Selain lorong di hadapan rumah, kami menjaga kebersihan lorong di belakang rumah.



wah – bersih – lorong belakang rumah

Kami juga bergotong-royong menghias lorong-lorong ini dengan pokok bunga dan pokok buah-buahan.



sikap – penduduk – dipuji – dicontohi

Nota Guru



- Bimbing murid memberikan respons terhadap ujaran.
- Minta murid membuat simulasi.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: KP – Interpersonal

EMK: Nilai Murni – Kerajinan

1.1.2



Baca dan fahami gambar.

Hadiah Tersembunyi

KTS

KOMUNITI TAMAN SUTERA

Laman Utama

Aktiviti Komuniti

Galeri Foto

Peta Lokasi

Perkhidmatan

Hubungi Kami

Komuniti Taman Sutera telah menganjurkan Hari Keceriaan Taman. Pelbagai aktiviti dijalankan. Aktiviti yang menyeronokkan ialah aktiviti mengutip sampah. Penduduk Taman Sutera bekerjasama dengan mengutip sampah di sekitar kawasan perumahan mereka. Dalam aktiviti tersebut, penduduk juga berpeluang untuk memperoleh kad ganjaran yang tersembunyi di kawasan itu.



Bagaimanakah keadaan Taman Sutera selepas aktiviti gotong-royong?

Nota Guru

- Bimbing murid membaca dan memahami bahan grafik.
- Minta murid membuat gambaran.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: BCB – Bacaan Intensif

2.2.1

EMK: Nilai Murni – Semangat Bermasyarakat





Bina ayat.

Taman Poket

Penduduk Taman Sutera membina sebuah taman poket. Taman poket ialah taman kecil yang digunakan untuk tujuan berehat dan beriadah. Mereka _____.



menanam pokok



membina bangku



memasang papan tanda

Setelah taman itu siap dibina, mereka menjaga kebersihan taman itu bersama-sama. Mereka _____.



0:01 / 4:10

Nota Guru



- Bimbing murid membina ayat daripada bahan multimedia.
- Minta murid menulis ayat dengan betulnya.

KBAT – Mencipta

Strategi PdP: BCB – Mencatat

3.2.1

EMK: Nilai Murni – Kerjasama



Kejiranan Ini

Dalam kejiranan ini marilah kita berganding bahu jayakan aktiviti.

Dalam kejiranan ini marilah kita seia sekata bersatu hati hidup sentosa.

Dalam kejiranan ini marilah kita beramah mesra saling menghormati hindari sengketa.

Nukilan: AR Kamil



IMBAS SAYA

Maksud

Kita hendaklah bekerjasama dan saling membantu sesama jiran.

Maksud

Kita mestilah bersepakat sesama jiran supaya



Maksud

Kita perlu hormat-menghormati



Nota Guru

- Bimbing murid melafazkan sajak.
- Minta murid menjelaskan maksud sajak.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

4.2.1

EMK: Nilai Murni – Bermuafakat





Kata Nama Khas

Seikhlas Hati



Najwa



Si Gebu



Jalan Dahlia



Mei Fung

Najwa berkunjung ke rumah rakannya, **Mei Fung**, yang terletak di hujung **Jalan Dahlia**. Dia hendak meminta bantuan Mei Fung bagi menjaga kucingnya, **Si Gebu**. Najwa dan keluarganya akan bercuti di **Langkawi**.

Najwa dan keluarganya menaiki kereta _____



Proton Iriz

menaiki kereta



Terminal Feri Kuala Perlis

menaiki feri



Dataran Lang

melawat ke tempat menarik



Kuah

membeli-belah

Selepas pulang daripada percutian, Najwa membawa buah tangan untuk Mei Fung. Mei Fung tidak mengharapkan apa-apa balasan. Dia membantu Najwa seikhlas hati.



CELIK BAHASA

Kata nama khas ialah kata nama yang merujuk orang, haiwan, tempat atau benda yang khusus.

Contoh: Azura, Si Comel, Kuala Selangor, Proton Persona

Nota Guru



- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata nama khas.
- Minta murid membina perenggan dengan menggunakan kata nama khas.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Nilai Murni – Baik Hati

5.1.1(ii)



Dengar dan berikan respons.

Rela Berbakti

Mengapakah mereka bergotong-royong untuk membina laluan khas itu?

Mereka mahu memudahkan pergerakan orang kurang upaya.

LALUAN ORANG KURANG UPAYA



Bagaimanakah laluan khas itu dapat membantu orang kurang upaya?

Laluan khas itu dapat memudahkan pergerakan kerana laluan itu tidak bertangga.

Mengapakah mereka bekerjasama mengubah suai kenderaan itu?

Mereka bekerjasama



Bagaimanakah kenderaan yang diubah suai itu dapat membantu orang kurang upaya?

Secara berkumpulan, mainkan peranan.



Nota Guru

- Bimbing murid memberikan respons terhadap soalan secara kritis.
- Minta murid memainkan peranan.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: KP – Interpersonal


EMK: Nilai Murni – Kerjasama





Baca dan analisis.

Doktor Badut



Chun Wei ialah abang Chun Han. Beliau berusia 22 tahun dan sedang menuntut di sebuah kolej perubatan. Semasa cuti semester, beliau suka melakukan kerja amal. Beliau sering mengunjungi hospital sebagai Doktor Badut untuk menghiburkan pesakit di sana.


Pada suatu pagi, abang Chun Han tiba awal di hospital. Dia terus menuju ke wad kanak-kanak.

“Doktor Badut!” jerit Pravin, seorang pesakit kanak-kanak di hospital itu. Wajah muramnya bertukar ceria apabila ternampak abang Chun Han.

“Doktor Badut, nyanyikanlah lagu,” pinta Pravin. Permintaan itu segera ditunaikan oleh Doktor Badut. Beliau bernyanyi sambil menari.

Kemudian, Doktor Badut membuat persembahan silap mata pula. Tingkah lakunya sungguh lucu dan mencuit hati.

Sebelum pulang, Doktor Badut memberikan hadiah kepada pesakit kanak-kanak di situ. Beliau gembira kerana dapat menghiburkan mereka.



Nota Guru



- Bimbing murid membaca dan memahami teks cerita.
 - Minta murid mencatat maklumat dalam bentuk peta minda.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: BCB – Bacaan Intensif EMK: Nilai Murni – Keprihatinan

2.3.1



Tulis jawapan.

Kelas Bimbingan Kraf Tangan

Kelas Bimbingan Kraf Tangan

Percuma

AKTIVITI
MUSIM CUTI
SEKOLAH

Tarikh:
15 Disember 20

Masa:
8:30 hingga 11:30 pagi

Tempat:
Pusat Komuniti
Taman Sutera

- Terbuka kepada murid sekolah rendah
- Terhadap kepada 40 orang peserta sahaja

Daftar segera sementara tempat masih ada!

Pertanyaan dan Pendaftaran:
Puan Rohaya 012-907

1. Kelas bimbingan kraf tangan percuma terbuka kepada siapa?
2. Di manakah kelas bimbingan itu diadakan?
3. Berapa lamakah kelas bimbingan itu diadakan?
4. Kakak Chun Han mahu menyertai kelas bimbingan itu tetapi tidak berjaya. Mengapa?
5. Mengapakah kelas bimbingan itu diadakan pada musim cuti sekolah?

Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan bertumpu dan bercapah.
- Minta murid menulis jawapan.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Nilai Murni – Kerajinan

3.2.2





Seni Bahasa

Misi Kita

Tepuk amai-amai
Terbang burung nuri
Mari ramai-ramai
Menjayakan misi

Kita perlu bersama-sama semasa
melakukan sesuatu tugas.

Tepuk amai-amai
Terbang burung undan
Mari ramai-ramai
Menghormati jiran

Kita perlu _____

Tepuk amai-amai
Terbang burung bayan
Mari ramai-ramai
Menyayangi rakan

Tepuk amai-amai
Terbang burung hantu
Mari ramai-ramai
Kita bantu guru

(Melodi Lagu
"Tepuk Amai-amai")



IMBAS SAYA



- Bimbing murid menyanyikan lagu.
- Minta murid menjelaskan maksud lirik lagu.



Kata Ganti Nama

Berkongsi Rezeki

Aidil, Chun Han dan Jofri mengambil bahagian dalam persembahan teater di sekolah. Aidil melakonkan watak sebagai raja, Chun Han sebagai bendahara dan Jofri sebagai petani.






Ampun, **tuanku**. Ada seorang ketua kampung mohon menghadap tuanku. Bolehkah **patik** membawanya ke **sini**?


Ketua kampung itu ada di luar istana. Patik akan ke **sana** sekarang untuk memanggilnya.

Baiklah, **beta** berkenan untuk berjumpa dengannya. Di manakah ketua kampung itu?




Ampun, . Nama  Pak Hasan. Patik datang ke  kerana membawa hajat penduduk Kampung Pinang.

Apakah hajat penduduk Kampung Pinang?

Masyarakat di kampung patik mahu mengusahakan tanah terbiar secara bergotong-royong. Kami mahu menanam pokok buah-buahan di . Penduduk kampung akan berkongsi hasil buah-buahan itu.



Oh, begitu! Hajat penduduk kampung sangat mulia.  perkenankannya.

CELIK BAHASA

Kata ganti nama diri laras bahasa istana digunakan oleh golongan istana dan rakyat dalam perbualan.
Contoh: beta, patik, tuanku

Kata ganti nama tunjuk ialah perkataan yang menunjukkan sesuatu benda atau perkara.
Contoh: sana, sini, situ

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata ganti nama.
- Minta murid melengkapkan perbualan dengan kata ganti nama. KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Konstruktivisme

5.1.1(iii)

EMK: Bahasa





PEMULIHAN

A. Baca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Kemudian, lengkapkan maklumat.





Chun Han dan Aidil akan menyambut hari lahir pada minggu hadapan. Tarikh lahir mereka berdua sama. Keluarga mereka berpakat untuk mengadakan majlis sambutan hari lahir di sebuah restoran.

“Majlis sambutan hari lahir kita pasti meriah,” kata Aidil.

“Ya, Aidil. Tentu kawan-kawan kita akan datang meraikan kita. Wah, seronoknya!” kata Chun Han.

Chun Han dan Aidil berasa sungguh gembira. Keluarga mereka akan mengadakan majlis itu bersama-sama.



1. Aidil dan Chun Han akan menyambut  .
2. Majlis sambutan hari lahir mereka akan diadakan pada  .
3. Majlis sambutan hari lahir mereka akan diadakan di  .
4. Keluarga Aidil dan Chun Han mengadakan majlis itu  .

B. Lengkapkan ayat dengan kata nama am yang betul.

1. Jofri membantu Aidil mencari  nya  yang hilang.
2. Dinesh menghadihkan pen kepada   kesayangannya.
3. Acara sukaneka itu diadakan di   permainan.
4. Pak Hamid dan Pak Mat bekerjasama memotong   .




PENGAYAAN


Tugasan:

1. Teliti Gambar A dan Gambar B.
2. Cari 10 perbezaan yang terdapat dalam gambar tersebut.
3. Lengkapkan petikan dengan kata nama am atau kata nama khas yang betul.

Gambar A: Sebelum ribut



Gambar B: Selepas ribut



Pada suatu hari, Kampung Jati telah dilanda ribut. Kejadian itu telah menimbulkan masalah kepada _____. Beliau berasa amat sedih.

Beberapa keping _____ rumah Pak Din telah diterbangkan angin. Kucing kesayangan beliau, _____ telah hilang. _____ Pak Din pula rosak. Basikalnya ditimpa _____ pokok.

Penduduk _____ telah datang membantu Pak Din. Mereka membaiki _____ Pak Din yang rosak secara bergotong-royong.

Mereka juga bekerjasama membersihkan halaman rumah Pak Din yang dipenuhi _____ gugur.



Bina dan tulis ayat.



Program Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SJKC Taman Sutera



menyusun majalah



mengecap buku



**membacakan
murid cerita**




**menyumbangkan
bahan bacaan**





PENILAIAN



A. Baca dan fahami cerita. Kemudian, nyatakan nilai.

Si Jalak dan Si Balung

Dua ekor ayam jantan tinggal di dalam sebuah reban. Seekor bernama Si Jalak, manakala seekor lagi bernama Si Balung. Setiap hari, kedua-duanya keluar mencari makanan.

Si Jalak suka bergaul dengan haiwan yang lain. Dia berkawan baik dengan Sang Kerbau dan Sang Kambing. Mereka makan bersama-sama.

Si Balung pula tidak suka berkawan. Dia gemar makan secara bersendirian. Dia sering mencari makan di tempat yang sunyi.

Pada suatu hari, Si Balung tersepak akar kayu. Dia terjatuh ke dalam lubang. Dia tidak dapat keluar dari lubang itu kerana kakinya tercedera.

Mujurlah Si Jalak dan kawan-kawannya ternampak kejadian itu. Mereka pun segera menyelamatkan Si Balung.

Si Balung bersyukur kerana terselamat. Dia berterima kasih kepada Si Jalak dan kawan-kawannya. Kini, barulah dia sedar betapa pentingnya hidup bermasyarakat.

CELIK ILMU

Kata ganti nama diri boleh digunakan apabila haiwan, tumbuhan atau benda diperorangkan.

B. Lengkapkan perbualan dengan kata ganti nama yang betul.

patik

sana

beta

tuanku

sini

Tuk Daud ialah Ketua Kampung Saga. Pada suatu hari, beliau dipanggil menghadap sultan di istana.

Tuk Daud: Ampun, tuanku. Sembah harap diampun. Apakah tujuan memanggil patik datang ke ?

Sultan Ali: mendapat khabar bahawa kampung Tuk Daud telah dilanda banjir. Benarkah sebuah jambatan di telah rosak?

Tuk Daud: Benar, tuanku. Bagaimanapun, masalah itu telah dapat kami atasi. Seluruh penduduk kampung bekerjasama memperbaiki jambatan tersebut.

Sultan Ali: Baguslah begitu. Sikap sebeginilah yang beta harapkan daripada masyarakat.

TEMA

2



KEBERSIHAN DAN
KESIHATAN

Kebersihan
Tanggungjawab
Kita Bersama

Nota
Guru



- Berbincang dengan murid tentang amalan kebersihan dan kesihatan dalam kehidupan.



Unit 4

Kesihatan Harus Dijaga



Dengar dan berikan alasan.

Jaga Postur

Jaga Postur



Jarak yang sesuai

20 - 30 cm

Bahagian belakang ditegakkan



Kaki diletakkan pada lantai

Lutut dibengkokkan



Aidil: Kita perlu duduk pada jarak yang sesuai ketika menggunakan komputer, Dinesh.

Dinesh: Betul, Aidil. Perkara itu penting agar mata kita tidak rosak.

Aidil: Kita juga perlu menjaga postur kita semasa kita duduk.

Dinesh:  , Aidil. Penjagaan postur amat penting kerana  .

Aidil: Apakah cara lain untuk menjaga postur, Dinesh?

Dinesh:  . 



CELIK ILMU

Postur ialah cara duduk, berdiri atau berjalan yang betul.

Nota Guru

- Bimbing murid bertutur untuk menilai dan memberikan alasan secara bertatasusila.
- Minta murid membuat simulasi main peranan.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Nilai Murni – Menjaga Kesihatan





Baca dan analisis.

Tip Kekal Sihat ketika Musim Panas

Ketika musim panas, kita mudah mendapat sakit tekak dan demam panas. Selain itu, kita juga mudah terkena batuk dan selesema.

Aktiviti luar seperti bersukan dan beriadah perlulah dikurangkan. Aktiviti tersebut seelok-eloknya diadakan di dalam dewan tertutup atau berbumbung. Oleh sebab itu, kita tidak mudah diserang strok haba.

Selain itu, kita juga perlu minum banyak air kosong. Air kosong akan dapat mengatasi masalah kehilangan air dalam badan.

Ketika berada di luar rumah pula, gunakan payung untuk mengelakkan pancaran haba terus ke badan. Pakailah pakaian yang nipis, berwarna terang dan longgar.

Kita mestilah mengikuti semua panduan tersebut agar kita kekal sihat ketika musim panas.

Tip Kekal Sihat ketika Musim Panas

aktiviti

- mengadakan aktiviti di dalam dewan tertutup atau berbumbung

amalan diri

- _____ 

di luar rumah

- _____ 



Nota Guru



- Minta murid menganalisis dan menyatakan maklumat. KBAT – Menganalisis Strategi PdP: BCB – Bacaan Intensif EMK: Nilai Murni – Menjaga Kesihatan

2.3.1




Analisis dan catat maklumat.

Bijak Bertindak

Sekolah Dinesh mengadakan program pemakanan sihat. Dia meneliti grafik tentang pemakanan sihat dan membuat catatan.

Aku mengandungi Vitamin C dan serat. Aku dapat membantu badan melawan penyakit. Aku juga dapat membantu sistem penghadaman. Aku amat baik untuk kesihatan.



Aku mengandungi banyak gula. Kandungan gula yang tinggi dalam badan aku menyebabkan obesiti. Aku juga antara punca penyakit kencing manis. Selain itu, aku menyebabkan karies gigi. Aku tidak baik untuk kesihatan.

mengandungi Vitamin C

mengandungi banyak gula

Kebaikan Jus Buah-buahan Segar

Keburukan Minuman Bergas

(Sumber: Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia)



CELIK ILMU

Serat ialah bahan makanan yang terdiri daripada sumber tumbuh-tumbuhan yang tidak dapat dicerna oleh enzim di dalam usus kecil.

Karies gigi ialah kerosakan gigi yang disebabkan oleh sejenis bakteria yang melekat pada gigi.

Nota Guru

- Minta murid mencatat maklumat.
- KBAT – Menganalisis
- Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Nilai Murni – Keprihatinan





Seni Bahasa

Dinesh, mari kita ubah suai sajak ini.

Baiklah, Gauri.



Pesanan dan Nasihatku

Dengarlah Pesananku

Kawan
dengarlah **pesananku**
nyamuk itu berbahaya
membawa penyakit
kepada kita semua.

Marilah kita
berganding bahu
menjaga kebersihan
air bertakung
harus dibuang
agar penyakit
tidak menyerang.


Jika kesihatan
kita **abaikan**
penyakit merebak
hidup sengsara.

Kesihatan diri
harus diutamakan
agar hidup kita
sentiasa bahagia.




IMBAS SAYA


Dengarlah Nasihatku

Adik
dengarlah **nasihatku**
 itu berbahaya
membawa penyakit
kepada kita semua.



Marilah kita
bekerjasama
menjaga kebersihan

harus dibuang
agar penyakit
tidak menyerang.



Jika kesihatan
kita **jaga**
badan sihat
 .



Kesihatan diri
harus diutamakan
agar hidup kita
sentiasa bahagia.

Nota Guru



- Bimbing murid mengubah suai sajak.
 - Minta murid mendeklamasikan sajak secara kreatif.
- KBAT – Mencipta Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

4.3.1

EMK: Nilai Murni – Keprihatinan



Penjodoh Bilangan

Sudut Kesihatan



Mudik perahu hendak ke muara,
Perlahan-lahan membawa muatan;
Jika mahu hidup sejahtera,
Jagalah kebersihan dan kesihatan.

Jofri: Murid-murid itu sedang membantu Cikgu Chan membuat Sudut Kesihatan di dalam kelas.

Chun Han: Ya, Jofri. Mereka memasang se_____ kain rentang tentang kesihatan jantung.

Jofri: Mereka juga menampalkan se_____ poster yang cantik. Poster itu menunjukkan sekumpulan murid sedang bersenam.

Chun Han: Bukan itu sahaja, Jofri. Mereka mencipta se_____ pantun tentang kepentingan menjaga kebersihan dan kesihatan. Wah, kreatif sungguh mereka!

Jofri: Beberapa _____ majalah kesihatan disediakan untuk bacaan umum murid.

Chun Han: Eh, apakah yang mahu dilakukan oleh Cikgu Chan dengan se_____ gunting itu?

Jofri: Beliau mahu menggantung lebih tali yang diikat pada kain rentang.



CELIK BAHASA

Penjodoh bilangan ialah kata yang hadir di antara kata bilangan dan kata nama dalam sesuatu frasa nama.

Contoh: dua orang murid

kata bilangan	penjodoh bilangan	kata nama
---------------	-------------------	-----------

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan penjodoh bilangan.
- Minta murid melengkapkan dialog dengan penjodoh bilangan.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Nilai Murni – Menghargai

5.1.1(iv)





Jelaskan dan banding bezakan.

Yang Mana Satu?

- warna hijau
- bersih
- berpenutup
- bulu lembut
- batang berus mudah lentur







- digunakan untuk memberus gigi
- sama saiz
- sesuai untuk kanak-kanak




- warna putih
- kotor dan berdaki
- tiada penutup
- bulu kembang
- batang berus tidak dapat dilentur

Adik, gunakanlah berus gigi yang berwarna hijau. Jangan gunakan berus gigi yang berwarna putih itu.

Betul, adik. Berus gigi itu ada persamaan tetapi ada juga perbezaannya. Berus gigi hijau itu , manakala berus gigi putih itu . Selain itu, .

Berus gigi berpenutup dapat menghalang bulu berus daripada dikotori oleh haiwan seperti lipas dan cicak. .

Bukankah kedua-dua berus gigi itu sama? Berus itu digunakan untuk memberus gigi. Berus itu juga .

Oh, begitu! Apakah kelebihan menggunakan berus gigi yang berpenutup, berbulu lembut dan mudah lentur, abang?





Baca dan sampaikan.

Riangnya Hati Kami

Pada suatu hari, Periuk berbual-bual dengan kawan-kawannya. Kawan-kawan Periuk ialah Span, Tuala dan Pencuci.

Wah, berkilatnya badan kamu, Periuk! Badan kamu sungguh bersih. Badan aku pun bersih.

Aku berasa bertuah kerana Pencuci membersihkan aku.

Itu sudah menjadi tanggungjawab aku. Aku dapat menghilangkan kekotoran pada badan kamu.

Aku pula menggosok kamu bersama-sama dengan Pencuci. Badan kamu menjadi bersih apabila aku menjalankan tugasku.

Janganlah lupakan aku. Aku mengelap kamu sehingga kering agar kamu kelihatan bersih dan tidak berbau.

Betul. Kami sungguh bertuah kerana mempunyai sahabat seperti Span, Pencuci dan Tuala. Mereka sentiasa menjaga kebersihan kami.

Gaya Penyampaian



baik



sederhana



kurang memuaskan

Nota Guru

- Minta murid membaca teks dengan intonasi dan gaya penyampaian yang sesuai.
- Minta murid menilai bacaan rakan mereka.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: KP – Interpersonal

EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

2.3.2





Tulis ayat yang diimplakkan.

Pastikan Bersih

Selamat pagi murid-murid. Saya Doktor Koh. Saya akan menyampaikan ceramah tentang pentingnya memilih gerai makanan yang bersih.

Murid-murid sekalian,


Kita perlu berhati-hati jika mahu makan di gerai makanan. Pilihlah gerai makanan yang bersih. Hal ini penting agar kita tidak mengalami keracunan makanan.

Jangan pilih gerai makanan yang kotor, berhabuk dan berdebu. Makanan yang dijual di gerai seperti ini pastinya sudah tercemar. Habuk dan kekotoran yang berterbangan di udara mencemari makanan yang dijual.

Pastikan gerai makanan yang dipilih tiada haiwan perosak. Haiwan perosak seperti lalat, tikus dan lipas akan mencemarkan makanan. Haiwan-haiwan ini boleh menyebabkan pelbagai jenis penyakit. Oleh sebab itu, makanan yang dihidangkan hendaklah sentiasa bertutup.

Ingatlah, kebersihan asas kesihatan. Kita perlu mengambil berat tentang kebersihan makanan agar kesihatan kita terjaga.

Sekian, terima kasih.



Nota Guru



- Minta murid menulis ayat yang diimplakkan.
KBAT – Menganalisis Strategi PdP: Kontekstual

3.2.4

EMK: Nilai Murni – Rasional



Seni Bahasa

Cegah sebelum Terlambat

Sang Nuri merupakan Pengerusi **Taman Rimba Alam**. Pada suatu hari, **Sang Bangau** datang berjumpa dengannya. **Sang Bangau** membawa khabar yang mengejutkan.

“Saya baru pulang daripada melawat **Sang Merpati** dan anak-anaknya. Mereka telah diserang demam denggi,” kata **Sang Bangau**.


Sang Nuri berasa susah hati. Telah banyak penduduk Rimba Alam yang diserang demam denggi. **Sang Nuri** perlu bertindak segera. Dia pun mengadakan mesyuarat dengan penduduk **Rimba Alam**. Mesyuarat itu diadakan di **Balai Seri Rimba**.

“Demam denggi berpunca daripada gigitan nyamuk aedes. Kita dapat mencegah penyakit ini dengan cara menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes,” kata **Sang Balam**.

“Nyamuk aedes membiak di tempat air bertakung. Biasanya, nyamuk ini membiak di dalam tin, bekas plastik dan tayar terbang,” kata **Sang Kelicap** pula.

Sang Nuri segera membuat keputusan. Dia mengarahkan penduduk kampung mengadakan gotong-royong. Mereka perlu bekerjasama membersihkan kawasan persekitaran. Mereka perlu menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes kerana “Tiada Aedes, Tiada Denggi”.

Berdasarkan teks di atas, ubah suai cerita berdasarkan watak manusia dan tempat.



Encik Gunalan




Encik Johari



Encik Nizam



Encik Lam



Encik Ming



GELIK ILMU

Kata ganti nama diri boleh digunakan apabila haiwan, tumbuhan atau benda diperorangkan.

Taman Sentosa

Dewan Taman Sentosa

Nota Guru

- Bimbing murid mengubah suai cerita.
 - Minta murid mempersembahkan cerita secara kreatif.
- KBAT – Mencipta Strategi PdP: KP –Verbal-linguistik

4.3.2





Kata Kerja Aktif Transitif dan Kata Kerja Aktif Tak Transitif

Ops Bersih!



menghias

datang

Dinesh dan kawan-kawannya **menghias** bilik darjah mereka.

Mereka **datang** awal ke sekolah untuk melakukan tugas itu.



mengelap

terluka

Aidil **mengelap** cermin tingkap dengan sehelai kain basah.

Dia berhati-hati agar tangannya tidak **terluka**.



mengutip

gugur



mencuci

tersumbat



CELIK BAHASA

Kata kerja aktif transitif ialah kata kerja yang mesti disertai oleh objek (kata nama).
Contoh: membeli buku, menendang bola

Kata kerja aktif tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan objek.
Contoh: bangun, pulang, berjalan

Nota Guru



Bimbing murid memahami dan menggunakan kata kerja aktif transitif dan kata kerja aktif tak transitif. 5.1.2(i)

Minta murid bercerita berdasarkan gambar.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Nilai Murni – Menjaga Kebersihan

Unit 6

Amalan Bersih dan Sihat



Berikan respons.

Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS)

Apakah Program HiTS?
Program HiTS ialah Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah.

Siapakah yang menentukan menu hidangan Program HiTS?



Bilakah program ini dijalankan? _____

Mengapakah Program HiTS diadakan?



- meningkatkan pengetahuan tentang amalan makan secara sihat



- menyediakan persekitaran amalan makan secara sihat



- Pegawai Sains (Pemakanan)



- waktu rehat



- mendapat hidangan berkhasiat



(Sumber: Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia)

Mengapakah kita perlu makan makanan yang berkhasiat? _____



Nota Guru

- Minta murid memberikan respons terhadap soalan yang dikemukakan.





Baca dan sampaikan.

Sayangilah Kaki Kita

Yang dihormati Guru Besar SJKT Ladang Jati, guru-guru dan murid-murid sekalian. Pada hari ini saya akan menyampaikan ceramah yang bertajuk “Penjagaan Kaki”.

Hadirin sekalian,

Kaki sangat penting kepada kita. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga kebersihan kaki. Gunakan stoking yang dapat menyerap peluh, iaitu yang diperbuat daripada benang bulu atau kapas. Stoking yang dipakai perlu ditukar setiap hari untuk memastikan kebersihan kaki kita.

Selain itu, kita perlu mengelakkan pemakaian kasut yang lembap. Kelembapan kasut akan menyebabkan bakteria mudah membiak dan kaki akan berbau. Kaki juga mudah terkena penyakit seperti cagu atau kaki makan air.

Sidang hadirin,

Akhir sekali, kita harus mengeringkan kaki setelah mandi. Lap bahagian kaki, terutamanya di celah-celah jari kaki. Sapu pelembap pada kaki supaya kulit kaki tidak kering.

Kesimpulannya, jagalah kaki kita kerana kaki merupakan anugerah yang amat bernilai.

Sekian, terima kasih.



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Nyatakan cara-cara menjaga kebersihan kaki.

Gaya Penyampaian



baik



sedehana



kurang memuaskan

Nota Guru



- Minta murid membaca dengan gaya penyampaian yang sesuai.
- Minta murid menilai bacaan rakan mereka.
- Minta murid menjawab pernyataan.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Nilai Murni – Menghargai

2.3.2



Tulis draf.

Bersih Hidup Sejahtera



Pada hari minggu lalu Dinesh dan keluarganya telah mengadakan aktiviti gotong royong membersihkan rumah.



Ayahnya Encik Gunalan menggunakan sebuah tangga membersihkan kipas yang berabuk. Dia menggunakan kain pengelap.



Dinesh pula membersihkan cermin tingkap rumah. Dia menggunakan sehelai kain dan pencuci cair. Cermin tingkap rumahnya bersih dan berkilat.



- berkat bekerjasama
- rumah bersih dan cantik
- kesihatan terjamin

Pada hari minggu yang lalu, Dinesh dan keluarganya telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan rumah.

Ayahnya, Encik Gunalan, memanjat tangga untuk membersihkan kipas yang berhabuk. Beliau mencuci kipas dengan menggunakan sehelai kain pengelap.



Bincangkan draf yang telah dihasilkan.





Jagalah Kesihatan

Kawan marilah kita
Dengarlah pesanan ini
Jagalah pemakanan
Supaya kita hidup gembira } 2x

Kawan marilah kita
Jangan ambil risiko
Kurangkan mengambil gula } 2x
Nanti bahaya diri sengsara

Mari kita semua
Kurangkan makanan ringan
Agar sihat sentiasa
Hidup bahagia sepanjang masa } 2x

Kawan marilah kawan
Kita ambil pedoman
Jagalah kesihatan
Barulah hidup akan ceria } 2x



(Melodi Lagu "Gelang Si Paku Gelang")




IMBAS SAYA




Rakan marilah kita
Dengarlah nasihat ini
Jagalah pemakanan
Supaya kita hidup gembira } 2x

 marilah kita
Jangan ambil risiko
Kurangkan mengambil  } 2x
Nanti bahaya diri sengsara

Mari kita 
Kurangkan makanan segera
Agar sihat sentiasa
Hidup bahagia sepanjang masa } 2x



Rakan marilah rakan
Kita ambil pedoman
Jagalah kesihatan
Barulah hidup akan  } 2x



- Minta murid mengubah suai seni kata lagu.
 - Minta murid menyanyikan lagu.
- KBAT – Mencipta Strategi PdP: KP – Muzik



Kata Kerja Pasif

Rutin Dinesh

Ahad



- dilihat
- diikuti








- dibawa
- disusun



- dikemas
- dilap



Kawan-kawan, ini rutin Dinesh pada hari persekolahan. Dia akan melihat jadual waktu persekolahannya pada waktu malam. Jadual itu **dilihat** sebelum dia menyusun bukunya di dalam beg. Jadual itu  agar begnya tidak berat. Buku-buku yang hendak  dimasukkan ke dalam beg. Buku itu  dengan kemasnya. Buku-buku yang tidak dibawa diletakkan di atas meja. Meja itu telah  dan  supaya bersih.



CELIK BAHASA

Kata kerja pasif ialah kata kerja yang terhasil daripada proses perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif.

Contoh: Farah **membaca** buku. **Ayat aktif**

Buku **dibaca** oleh Farah. **Ayat pasif**

Nota Guru

- Bimbing murid memahami kata kerja pasif.
- Minta murid melengkapkan teks.

KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Nilai Murni – Menghargai Masa

5.1.2(ii)





Baca petikan dan tulis jawapan.

Bersihnya Botol Air

Ini botol air Gauri. Botol air ini cantik dan bersih. Setiap hari, Gauri membawa botol air ini ke sekolah.

Gauri menjaga botol air itu dengan cermatnya. Dia sentiasa menutup botol airnya dengan kemasnya. Perkara ini dilakukan agar air minumannya tidak tumpah.

Botol air Gauri bersih. Botol airnya tidak berbau busuk. Gauri sentiasa menjaga kebersihan botol airnya. Dia akan mencuci botol airnya itu selepas menggunakannya. Dia mencucinya dengan menggunakan air, sabun pencuci dan berus pencuci botol.



1. Itu botol air siapa?
2. Gauri membawa botol air itu ke mana?
3. Bilakah Gauri mencuci botol air itu?
4. Apakah yang digunakan oleh Gauri untuk mencuci botol airnya?

Gaya Penyampaian



baik



sedehana



kurang memuaskan









- Minta murid menilai bacaan rakan mereka.



PENGAYAAN

Cari kata kerja aktif transitif dan kata kerja pasif. Kemudian, lengkapkan ayat dengan kata kerja tersebut.

m	t	x	m	j	m	k	m	q
e	f	q	e	y	e	w	e	k
n	d	k	m	q	m	z	m	d
d	i	l	i	p	a	t	b	i
a	l	g	l	r	k	y	a	b
p	a	r	i	k	a	d	s	u
a	p	t	h	u	i	m	u	k
t	d	i	c	e	g	a	h	a

1. Pakaian yang telah  perlu disimpan di dalam almari.
2. Kita perlu  gerai makanan yang bersih dan selamat.
3. Tumpahan air minuman itu telah  oleh kakak.
4. Aidil  kasut sekolahnya pada hari Sabtu.
5. Penyakit demam denggi perlu  kerana amat bahaya.
6. Chun Han  baju sukan yang bersih.
7. Klinik Doktor Ravin  pada setiap hari.
8. Kita perlu menjaga kesihatan agar tidak  penyakit.



PENGUKUHAN

Baca petikan di bawah. Kemudian, lengkapkan rajah pengurusan grafik dengan maklumat yang betul.

Taun Penyakit Berbahaya




Taun atau kolera adalah antara penyakit berjangkit yang berbahaya. Penyakit ini berpunca daripada makanan dan minuman yang tercemar.

Taun tersebar menerusi pelbagai cara. Penyakit ini akan tersebar jika amalan kebersihan diri dan persekitaran tidak dijaga. Pembuangan najis yang tidak sempurna dan tangan yang kotor serta tidak dicuci secara bersih menyebabkan penyakit ini tersebar.

Selain itu, penyakit ini juga tersebar menerusi air minuman yang tidak dimasak dan sayuran yang tidak dicuci dengan bersihnya. Lalat dan lipas yang hinggap di atas makanan juga boleh menyebarkan penyakit ini.

Pesakit taun akan mengalami cirit-birit yang teruk. Jika tidak dirawat, pesakit akan mengalami masalah kekurangan air di dalam badan dan boleh membawa maut.

Kesimpulannya, kita perlulah menjaga kebersihan diri dan persekitaran agar tidak dijangkiti penyakit taun.



(Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia)



KERJA PROJEK

Cari maklumat tentang cara-cara mencegah penyakit taun.



PENILAIAN

Teliti gambar di bawah. Kemudian, jawab semua soalan.



A. Nyatakan kata kerja berdasarkan gambar. Kemudian, bina ayat.

B. Tulis draf karangan berdasarkan gambar.

C. Tulis karangan berdasarkan draf yang dibina.

TEMA

3



WASPADA PASTI SELAMAT

**Disiplin dipatuhi, bertindak cermat,
Berhati-hati, dijamin selamat.**

**Nota
Guru**



- Berbincang dengan murid tentang amalan keselamatan yang terdapat dalam gambar.



Unit 7

Waspada Amalan Kita




Ceritakan.

Sentiasa Berwaspada



4:30 petang – berjalan pulang – rumah – selesai – aktiviti kokurikulum – sekolah



van – mengekori – pemandu van – tidak dikenali – curiga – berpatah balik – sekolah



Eh, kamu belum pulang lagi!

masuk ke kawasan sekolah – menceritakan kejadian – pengawal keselamatan sekolah



Siapakah mereka?

bertindak pantas – memastikan keselamatan murid – menghampiri van – van beredar

Pada pukul 4:30 petang, Chun Han dan kawan-kawannya berjalan pulang ke rumah. Mereka baru selesai menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah.

Semasa dalam perjalanan, _____

Sebutan		Intonasi	
baik	sedehana	kurang memuaskan	





Baca dan fahami petikan.

Bersedia Hadapi Kebakaran

Pada suatu petang, Mei Fung berkunjung ke rumah Najwa. Dia ternampak lakaran seperti pelan pada dinding rumah Najwa. Dia pun bertanya kepada Najwa tentang lakaran tersebut.

“Itu apa, Najwa?” tanya Mei Fung.

“Oh, itu pelan lantai rumah saya!” jawab Najwa.

“Mengapakah keluarga kamu membuat pelan itu?” tanya Mei Fung lagi.

“Pelan itu sebagai persediaan untuk kami menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran,” jawab Najwa.

Najwa menerangkan pelan itu kepada Mei Fung. Dalam pelan itu, kedudukan semua tingkap, pintu, lorong dan bilik ditunjukkan. Selain itu, jalan keluar dan tempat berkumpul ditunjukkan dengan jelasnya. Jika berlaku kebakaran, Najwa dan keluarganya dapat menyelamatkan diri berpandukan pelan tersebut.

“Wah, keluarga kamu memang peka akan keselamatan!” puji Mei Fung.



Petunjuk:




Laluan Keluar

1. Apakah yang dilakukan oleh keluarga Najwa sebagai persediaan untuk menghadapi kebakaran?
2. Mengapakah pelan kebakaran penting?



KERJA PROJEK

Lakarkan pelan lantai rumah kamu.



Nota Guru

- Minta murid membaca petikan dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- Bimbing murid menjawab soalan.



KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: KP – Interpersonal

EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

2.1.1



Tulis draf.

Terima Kasih Bomba



Petang Ahad rumah Aidil dimasuki ular.
Aidil menelefon Chun Han meminta bantuan
daripadanya.

Chun Han datang ke rumah Aidil. Dia tidak
berani menangkap ular itu. Ular itu ular ada
bisa. Chun Han telefon bomba.



- pihak bomba tiba
- membawa alat menangkap ular
- sangat cekap
- sangat berani

- ular berjaya ditangkap
- berasa lega
- mengucapkan terima kasih
- pihak bomba



Pada petang Ahad yang lalu, dapur rumah Aidil dimasuki ular. Aidil menelefon Chun Han. Dia meminta bantuan daripada rakannya itu.



Chun Han datang ke rumah Aidil. Dia tidak berani menangkap ular itu. Ular itu berbisa. Chun Han segera menelefon pihak bomba.





Kata Adjektif Cara dan Jarak

Berhati-hati di Dapur




Puan Soh sedang membuat sandwic di dapur. Mei Fung pula sedang duduk di ruang tamu. Dia agak **jauh** dari ibunya.


Mei Fung mahu membantu ibunya. Dia ke dapur lalu berdiri di sebelah ibunya. Dia **hampir** dengan ibunya.

Mei Fung: Bolehkah saya bantu, ibu?

Puan Soh: Boleh, Mei Fung. Tolong ambil timun itu.

Mei Fung: Baik, ibu. Saya boleh memotong timun itu dengan cepatnya. Saya amat .

Puan Soh: Eh, jangan buat begitu, Mei Fung! Ibu yang akan memotong timun itu.

Mei Fung: Ibu, pergerakan ibu sungguh . Ibu kena potong timun itu cepat-cepat.

Puan Soh: Tidak boleh begitu, Mei Fung. Kita perlu  semasa menggunakan pisau.

Mei Fung: Baiklah, ibu.



CELIK BAHASA

Kata adjektif jarak ialah perkataan yang merujuk jarak antara dua keadaan.
Contoh: dekat, jauh

Kata adjektif cara ialah perkataan yang merujuk keadaan kelakuan atau ragam.
Contoh: gopoh, pantas

Nota Guru




- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata adjektif cara dan jarak dengan betulnya.
 - Minta murid melengkapkan dialog dengan kata adjektif yang sesuai dan melakonkannya.
- KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: Kontekstual EMK: Nilai Murni – Berhati-hati

5.1.3(i),(ii)



Berceritalah berdasarkan bahan.

Awas Langkahmu




- naik dan turun tangga mengikut laluan yang ditentukan



- naik di sebelah kanan
- turun di sebelah kiri



- pegang susur tangga



- langkah satu demi satu anak tangga
- pandang anak tangga

Hai, kawan-kawan! Saya ingin menceritakan cara-cara turun dan naik tangga dengan betulnya dan selamatnya. Kita perlu naik dan turun tangga .



Sebutan

Intonasi



baik

sederhana

kurang memuaskan

Nota Guru

- Bimbing murid menceritakan maklumat yang ditonton dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.
- Minta murid menilai persembahan rakan mereka.

KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik EMK: Nilai Murni – Berwaspada



Baca dan buat gambaran.

Pas Keselamatan



Gambarkan keadaan keselamatan di SJKC Taman Sutera.

Nota Guru



- Minta murid membaca dan memahami maklumat dalam bahan grafik.
- Bimbing murid membuat gambaran.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: BCB – Bacaan Imbasan

EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

2.2.1



Tulis draf.

Laluan Selamat


Murid-murid SJKC Taman Sutera peka akan keselamatan diri. Mereka sentiasa menggunakan laluan selamat di sekolah.

Semasa masuk ke kawasan sekolah, mereka menggunakan laluan masuk yang disediakan. Mereka tidak berjalan di laluan kenderaan. Laluan itu berbahaya.


- semasa hujan
 - laluan berbumbung
 - menghubungkan bangunan kelas
 - bangunan lain
 - mengelakkan murid
 - terkena hujan
-
- tidak dibenarkan
 - melalui kawasan sunyi
 - jauh daripada orang ramai
 - berlaku kejadian kecemasan
 - sukar untuk mendapatkan bantuan



laluan masuk



laluan berbumbung



kawasan sunyi





Seni Bahasa

Waspada Selalu

Pada suatu hari, Chun Han dan Aidil membantu Cikgu Yazid membuat bingkai kayu. Mereka melakukan kerja itu dengan berhati-hati. Cikgu Yazid mahu menyimpan koleksi setem **Malaysia** yang bertemakan perpaduan di dalam bingkai kayu itu.



Malaysia

مليسيا

Chun Han: Tulisan apakah yang terdapat pada setem itu, cikgu?

Cikgu Yazid: Itu tulisan Jawi.

Chun Han: Apakah perkataan yang ditulis dalam tulisan itu?

Cikgu Yazid: Perkataan itu ialah **Malaysia**.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal tulisan Jawi.
 - Minta murid mempamerkan tulisan Jawi.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: KP – Kinestetik


4.4.1,4.4.2

EMK: Nilai Murni – Kerajinan






Kata Adjektif Ukuran

Keselamatan di Kebun Sekolah





Aidil dan Chun Han mahu ke kebun sekolah. Mereka mahu membantu Cikgu Chan membersihkan kebun itu.

Aidil memakai pakaian yang sesuai. Dia memakai seluar yang **panjang**. Dia bersarung tangan. Selain itu, dia memakai but getah yang tapaknya agak .

Chun Han pula berbeza daripada Aidil. Dia memakai seluar yang . Dia memakai kasut yang tapaknya terlalu . Dia juga tidak bersarung tangan.

Cikgu Chan telah menegur Chun Han. Beliau meminta Chun Han memakai pakaian dan kasut yang sesuai. Perkara itu penting bagi melindungi dirinya daripada kecederaan. Kaki dan tangannya akan luka jika terkena benda tajam.

Cikgu Chan meminta mereka memakai topi. Topi itu dapat melindungi kepala mereka daripada panas matahari. Aidil dan Chun Han memakai topi yang , manakala Cikgu Chan memakai topi yang .



CELIK BAHASA

Kata adjektif ukuran ialah kata yang menerangkan ukuran sesuatu.
Contoh: tinggi, rendah, besar, kecil

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata kerja adjektif ukuran berdasarkan gambar.
- Minta murid melengkapkan petikan dengan menggunakan kata adjektif ukuran yang sesuai.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Nilai Murni – Berhati-hati

5.1.3(iii)





Dengar dan sebut.

Peraturan Menaiki Kereta

Selamat pagi, para pendengar. Sila dengar panduan keselamatan jalan raya ini.

Panduan apa, kakak?

Panduan keselamatan jalan raya, adik.

Najwa, sebut panduan keselamatan jalan raya itu semula.

Semasa di dalam kenderaan, kanak-kanak perlu duduk di tempat duduk kanak-kanak. Tempat duduk ini dapat mengelakkan kanak-kanak daripada terhumban jika berlaku kemalangan.

Kita Cermat, Pasti Selamat.

Adik, sebut cogan kata keselamatan itu semula.

Nota Guru

- Bimbing murid mendengar dan mengecam sebutan.
- Minta murid membuat simulasi.



KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

1.1.1



Baca dan analisis.

Aku Sebuah Topi Keledar

Nama aku Perwira. Aku sebuah topi keledar. Aku dihasilkan di sebuah kilang di Pulau Pinang.

Aku amat berguna kepada penunggang motosikal. Aku dapat melindungi kepala mereka daripada kecederaan. Aku juga dapat menyelamatkan nyawa mereka jika berlaku kemalangan.

Aku mempunyai ciri-ciri keselamatan. Aku sangat kuat dan tahan lasak. Badan aku diperbuat daripada bahan yang tahan hentakan. Di dalam badan aku, ada span yang lembut. Pada badan aku pula ada jalur pemantul cahaya. Aku juga boleh dikancing dengan kemasnya agar tidak mudah tercampak. Semua ciri keselamatan ini telah disahkan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Pada suatu hari, aku telah dibeli oleh seorang pemuda. Beliau menggunakan aku dengan cara yang betul dan selamat. Beliau memakai aku ketika menunggang motosikal. Aku berjanji akan menjaga keselamatan tuan aku selagi khidmatku diperlukan.



CELIK ILMU

SIRIM ialah Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Standard and Industrial Research Institute of Malaysia).

Nota Guru

- Bimbing murid membaca dan memahami teks.
 - Minta murid menghuraikan maklumat daripada teks.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: BCB – Mencatat



Edit dan murnikan ayat.




Panduan Melintas di Lampu Isyarat

MELINTAS DI LAMPU ISYARAT







- 1 Berjalan mendekati lampu isyarat sebelum melintas.
- 2 Tekan butang melintas pada lampu isyarat.
- 3 Kenali maksud isyarat.

Isyarat Lampu untuk Kenderaan

-  Lampu Hijau
MAJU
Bergerak ke hadapan.
-  Lampu Merah
BERHENTI
Kenderaan mesti berhenti.
-  Lampu Kuning
PERLAHAN
Kenderaan mesti diperlahankan dan bersedia untuk berhenti.

Isyarat Lampu untuk Pejalan Kaki

-  **Lampu Orang Merah Berterusan**
Jangan melintas.
-  **Lampu Orang Merah Berkelip**
Tunggu belum boleh melintas. Lampu akan bertukar hijau sebentar lagi.
-  **Lampu Orang Hijau Berterusan**
Mula melintas, perhatikan kenderaan.
-  **Lampu Orang Hijau Berkelip**
Lampu akan bertukar merah sebentar lagi.

- 4 Hanya melintas semasa Lampu Orang Hijau beryala berterusan. Lihat ke kanan, ke kiri dan ke kanan semula untuk memastikan tiada kenderaan yang bergerak ke arah anda.
- 5 Jangan melintas semasa Lampu Orang Merah beryala.

Melintaslah dengan selamatnya.



#AndaMampuMengubahnya

f JKJRMalaysia t JKJRMalaysia y jkjgommalaysia i jkj_malaysia www.jkj.gov.my



- Jangan melintas jika Lampu Orang Merah ternyala.
- Tekan botang pada lampu isyarat pejalan kaki
- Tunggu lampu isyarat pejalan kaki menukar kepada warna hijau.
- Jika Lampu Orang Merah berkelip, tunggu sebentar.
- Hanya melintas ketika Lampu Orang Hijau beryala diteruskan.
- Ingat pandang ke kanan ke kiri dan ke kanan semula sebelum melintas.
- Pastikan tiada kenderaan yang bergerak ke arah anda

Nota Guru



- Bimbing murid mengecam kesalahan ejaan, tanda baca dan imbuhan dalam teks.
- Minta murid memurnikan ayat dengan menggunakan ejaan, tanda baca dan imbuhan yang betul.

KBAT – Menganalisis


Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

3.3.2



Pemandu Bertanggungjawab



Pada suatu pagi, Kereta berbual-bual dengan Bas Sekolah.

Kereta: Pon! Pon! Pon! Hai, Bas! Kamu hendak ke mana?

Bas Sekolah: Saya hendak ke PUSPAKOM.

Kereta: Mengapakah kamu mahu ke sana?

Bas Sekolah: Bahagian badan saya seperti tayar, brek dan lampu perlu diperiksa. Saya perlu memastikan badan saya tidak rosak demi keselamatan penumpang yang saya bawa.

Kereta: Wah, kamu begitu **ambil berat** tentang keselamatan mereka!

Bas Sekolah: Benar, Kereta. Kita tidak boleh bersikap **lepas tangan**.

Kereta dan Bas Sekolah terus berbual tentang kepentingan menjaga keselamatan. Mereka sentiasa bersedia kerana **malang tidak berbau**.

Bas Sekolah: Eh, saya sudah terlambat! Kereta, saya terpaksa pergi dahulu.

Kereta: Baiklah, Bas. Jangan terburu-buru pula. Ingat, **biar lambat, asalkan selamat**.

Bas Sekolah: Terima kasih kerana mengingatkan saya.

Kereta: Sama-sama.

Kereta dan Bas Sekolah pun meninggalkan tempat itu.



CETIK ILMU

PUSPAKOM ialah Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer.



KERJA PROJEK

Hasilkan buku skrap peribahasa.



Kata Adjektif Perasaan




pusat bandar



bosan


kampung



cemas

sekatan jalan raya

memotong barisan



kecewa

gembira



Pandu Cermat

Najwa dan keluarganya dalam perjalanan pulang ke kampung. Ayah Najwa memandu kereta dengan cermatnya. Beliau sentiasa berhati-hati agar keluarganya selamat.

Semasa melalui pusat bandar, mereka terpaksa menempuh kesesakan jalan raya yang teruk. Pada ketika itu, Najwa berasa amat .

Najwa memperhatikan tingkah laku pengguna jalan raya. Mereka tidak memotong barisan dan tidak menggunakan laluan kecemasan. Namun, ada juga yang tidak sabar. Najwa akan sikap mereka yang tidak berhemah di jalan raya.

Tidak lama kemudian, mereka melalui suatu sekatan jalan raya. Pada masa itu, Najwa berasa agak . Pengguna jalan raya akan disaman sekiranya melakukan kesalahan.

Setelah sejam dalam perjalanan, akhirnya Najwa sekeluarga tiba di kampung. Dia berasa amat kerana mereka selamat.

Nota Guru



- Bimbing murid mengenal pasti kata adjektif perasaan.
- Minta murid melengkapkan ayat dengan kata adjektif perasaan yang sesuai.

KBAT – Mengaplikasi


Strategi PdP: KP – Interpersonal

EMK: Nilai Murni – Berdisiplin

5.1.3(iv)



Baca petikan dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, lengkapkan maklumat.



Berwaspada Pasti Selamat

Aiman selalu pulang ke kampung datuknya di Tanjung Karang, Selangor. Di sekitar rumah datuknya ada banyak pokok kelapa.

Pada suatu petang, Aiman bersiar-siar dengan datuknya. Mereka berjalan di sekeliling kampung. Kemudian, Aiman duduk di bawah sebatang pokok kelapa. Pokok itu berbuah lebat.

“Aiman, jangan duduk di situ. Tempat itu berbahaya,” kata datuk Aiman. Aiman segera bangun. Dia patuh akan arahan datuknya. Dia pun beredar dari tempat itu.

Tiba-tiba, sebiji buah kelapa gugur. Buah itu menimpa tanah dengan kuatnya. Aiman sungguh terkejut. Mujur Aiman tidak ditimpa oleh buah itu.

“Oh, bahayanya!” jerit Aiman. Dia bersyukur kerana terselamat. Kejadian itu menyedarkan Aiman agar sentiasa berwaspada.

1. Aiman selalu pulang ke kampung _____ .
2. Kampung datuk Aiman terletak di _____ .
3. Datuk Aiman melarang Aiman duduk di bawah _____ .
4. Aiman bersyukur kerana tidak ditimpa _____ .



PENGAYAAN

Pembelajaran Berasaskan Projek

- Berdasarkan pelbagai sumber seperti laman web dan poster, hasilkan sebuah buku skrap tentang cara mengelakkan kebakaran di rumah.
- Gunakan kata adjektif yang sesuai dalam hasil kerja kamu.
Contoh: Jangan **cuai** semasa menggunakan peralatan elektrik seperti seterika.

<http://www.bomba.gov.my/>



Baca dan analisis petikan.

Pada minggu lepas, SJKT Ladang Jati telah mengadakan Perkhemahan Unit Beruniform di Hutan Lipur Sungai Tua. Perkhemahan itu disertai oleh 40 orang murid dan enam orang guru. Tujuan perkhemahan itu diadakan adalah untuk melatih murid bekerjasama.

Guru penyelaras program itu, iaitu Cikgu Zulhazmi sentiasa mengingatkan para peserta agar mematuhi peraturan keselamatan. Peraturan itu ditetapkan supaya mereka selamat semasa menjalankan aktiviti perkhemahan.

Para peserta tidak dibenarkan merayau-rayau. Mereka juga tidak dibenarkan berpecah daripada kumpulan semasa menjalankan sesuatu aktiviti. Jika berlaku kecemasan, mereka perlu meniup wisel dengan kuatnya.

Selain itu, mereka tidak dibenarkan memasak di dalam khemah. Mereka juga tidak dibenarkan memasang ubat nyamuk di dalam khemah atau berhampiran dengan khemah. Hal ini penting bagi mengelakkan kebakaran.

Dinesh dan rakan-rakannya mematuhi peraturan tersebut. Mereka sedar bahawa keselamatan perlu diutamakan.



tempat

peraturan
keselamatan

**Perkhemahan Unit Beruniform
SJKT Ladang Jati**

tujuan

guru penyelaras program



PENILAIAN




A. Baca teks dan jawab soalan.

Norah amat mementingkan keselamatan semasa berada di rumah. Dia sentiasa **berwaspada** semasa melakukan setiap aktiviti. Sebagai contoh, dia sentiasa cermat ketika menaiki atau menuruni tangga.





Pada suatu hari, Norah membaca panduan tentang keselamatan di rumah.

Panduan Keselamatan di Rumah

- ◆ Susun dan simpan barang mainan selepas bermain.
- ◆ Pastikan lantai di rumah sentiasa kering dan tidak licin.
- ◆ Simpan objek yang tajam seperti pisau, gunting dan jarum di dalam laci atau di tempat yang selamat.
- ◆ Tampalkan senarai nombor telefon yang perlu dihubungi jika berlaku kecemasan.

1. Perkataan **berwaspada** dalam petikan bermaksud  .
2. Norah sentiasa cermat semasa melakukan sesuatu aktiviti kerana  .
3. Mengapakah kita perlu memastikan lantai rumah sentiasa kering dan tidak licin?
Kita perlu memastikan lantai rumah sentiasa kering dan tidak licin supaya  .
4. Berikan dua amalan lain yang dapat dijadikan panduan keselamatan di rumah.

B. Tandakan (✓) bagi kata adjektif yang betul berdasarkan ayat.

1. Ayah memandu kereta agak  semasa hujan lebat.
deras () perlahan () ligat ()
2. Stesen minyak itu terletak  dari kawasan perumahan.
rapat () hampir () jauh ()
3. Ibu meminta kakak menyimpan manik-manik yang amat  di dalam bekas.
kecil () tebal () pendek ()
4. Chun Han  kerana mendapat baju hujan yang baharu.
kecewa () gembira () cemas ()

TEMA

4

INDAHNYA BUDAYA,
HALUSNYA SENI



Nota
Guru



- Murid berbincang tentang gambar dan penyataan.





Dengar dan berikan respons.

Adat Makan

Menarik sungguh maklumat yang dipaparkan itu.



daun pisang



dulang logam




bersila dan bersimpuh



penyepit dan mangkuk

Ya, Chun Han. Maklumat itu tentang adat makan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Semua kaum mempunyai adat makan. Sebagai contoh, kaum Melayu makan dengan menggunakan tangan kanan. Jika duduk di lantai,  .

Kaum Cina 

Kaum India 

Nota Guru



- Bimbing murid memberikan respons terhadap ujaran.
- Minta murid membuat simulasi.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Nilai Murni – Berhemah Tinggi

1.1.2



Baca dan analisis.

Perayaan Dongzhi



Perayaan Dongzhi adalah antara perayaan yang penting bagi masyarakat Cina. Perayaan ini, biasanya, disambut pada 21, 22 atau 23 Disember setiap tahun.

Semasa menyambut perayaan ini, seisi keluarga akan berkumpul bersama-sama. Pada pagi perayaan ini, masyarakat Cina akan melakukan upacara penyembahan nenek moyang.

Makanan istimewa semasa perayaan ini ialah tang yuan. Makanan yang berbentuk bulat ini diperbuat daripada beras pulut dan dimasak dengan air gula.

Tang yuan melambangkan keharmonian dan kebahagiaan. Masyarakat Cina percaya bahawa selepas makan tang yuan, usia mereka telah meningkat setahun lagi.





Tulis ayat.

Santunilah Ibu Bapa

Dalam masyarakat Melayu, budaya menghormati ibu bapa amat dititikberatkan.

Dalam masyarakat Melayu, budaya menghormati ibu bapa amat dititikberatkan.

Anak-anak perlu mencium tangan ibu bapa ketika bersalam.

Anak-anak perlu mencium tangan ibu bapa ketika bersalam.



Mereka hendaklah merendahkan suara semasa bercakap dengan ibu bapa.



Mereka tidak boleh duduk di atas kerusi jika ibu bapa mereka duduk di atas lantai.



Mereka tidak boleh mencelah perbualan ibu bapa.





Seni Bahasa

Budaya Kita

Budaya kita warisan bangsa pusaka berharga tiada nilainya.

Budaya kita warisan bangsa gah di mata istimewa di jiwa.

Budaya kita warisan bangsa lambang jati diri cerminan peribadi.

Budaya kita warisan bangsa peliharalah sentiasa lestari selamanya.

Nukilan: AR Kamil



IMBAS SAYA

Maksud

Budaya kita ialah warisan yang amat berharga.

Budaya kita ialah warisan yang _____.

Budaya kita _____.

_____.



Nota Guru

- Bimbing murid mendeklamasikan sajak.
 - Minta murid menyatakan maksud sajak bagi setiap rangkap.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

4.2.1

EMK: Bahasa





Kata Adjektif Pancaindera

Karnival Kebudayaan dan Kesenian

Sekolah Gauri mengadakan Karnival Kebudayaan dan Kesenian. Gauri dan Dinesh mengunjungi karnival itu. Mereka menyaksikan pameran dan persembahan yang dianjurkan.



Gauri dan Dinesh gembira kerana dapat menyaksikan seni budaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Kunjungan ke karnival itu amat berfaedah bagi mereka. Di karnival itu, mereka dapat mendengar bunyi alat muzik tradisional yang **merdu**. Mereka dapat melihat pakaian tradisional yang _____ dan menghidu bau bunga malai yang _____. Mereka juga dapat melihat labu sayong yang mempunyai permukaan yang _____ dan tapak yang _____. Selain itu, mereka dapat menikmati makanan tradisional yang _____ dan _____.



CELIK BAHASA

Kata adjektif pancaindera membawa pengertian konsep rasa, pandang, dengar, bau, atau gabungan pancaindera.
Contoh: enak, indah, riuh, lembut

Nota Guru



- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata adjektif pancaindera.
- Minta murid melengkapkan petikan dengan kata adjektif pancaindera.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: BCB – Bacaan Luncuran

EMK: Nilai Murni – Menghargai

5.1.3(v)

Unit 11

Seni Penyeri Kehidupan




Dengar dan berikan respons.

Seni Muzik Gamelan




IMBAS SAYA



Selamat pagi, Aidil. Mengapakah kamu suka menonton persembahan muzik tradisional seperti gamelan?

Setujukah kamu persembahan muzik tradisional disiarkan menerusi televisyen?

Apakah yang akan berlaku jika seni ini tidak didedahkan kepada generasi muda?



Selamat pagi, Jofri. Saya suka menonton persembahan muzik tradisional seperti gamelan kerana persembahan itu unik dan menarik.

_____ kerana _____

Secara berpasangan, simulasikan.

Nota Guru

- Bimbing murid memberikan respons terhadap soalan secara kritis.
- Minta murid membuat simulasi.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: KMD – Meramal

EMK: Nilai Murni – Menghargai





Baca dan sampaikan.

Cantiknya Dokoh



Pada suatu petang, Najwa sedang membantu ibunya mengemas almari pakaian. Tiba-tiba, dia ternampak perhiasan yang cantik di dalam sebuah bekas.

“Wah, cantiknya!” kata Najwa sambil memegang bekas yang berisi perhiasan itu.

“Apakah nama perhiasan ini, ibu?” tanya Najwa.

“Itulah dokoh,” jawab Puan Rohaya.

“Dokoh atau kerongsang besar ialah alat perhiasan tradisional kaum Melayu. Alat itu diperbuat daripada timah atau tembaga. Dokoh dipakai oleh lelaki dan wanita Melayu dengan cara menggantungkannya pada leher,” terang Puan Rohaya.

Menurut Puan Rohaya lagi, dokoh dicantumkan bertingkat-tingkat pada seutas rantai. Biasanya, dokoh mempunyai tiga tingkat. Perhiasan itu mempunyai motif alam semula jadi seperti awan larat, pucuk rebung dan daun sukun.



CELIK ILMU

Motif = Corak

Bilakah alat perhiasan diri seperti dokoh biasanya dipakai?



Gaya Penyampaian



baik



sederhana



kurang memuaskan

Nota Guru



- Bimbing murid membaca cerita dengan gaya penyampaian yang sesuai.
- Minta murid menyampaikan cerita dan rakan mereka menilai persembahan.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: BCB – Bacaan Mekanis

EMK: Nilai Murni – Menghargai

2.3.2



Bina ayat dan perenggan.

Seni Ubah Wajah


Pada minggu lalu, Gauri telah berkunjung ke rumah Mei Fung. Dia ke sana kerana ingin menyiapkan tugas sekolahnya.

Mei Fung telah bersetuju untuk membantu Gauri menyiapkan tugas tentang seni budaya kaum Cina.

Mei Fung memberikan idea tentang sejenis seni persembahan tradisional Cina. Seni persembahan itu ialah Seni Ubah Wajah atau Bian Lian. Mereka melayari Internet untuk mencari maklumat tentang seni persembahan tersebut.


- diwarisi oleh masyarakat Cina sejak beratus-ratus tahun dahulu
- sangat unik dan menghiburkan
- bertukar-tukar topeng dalam sekelip mata.



Seni Ubah Wajah atau
Bian Lian 

- sangat cantik dan berwarna-warni
- menunjukkan perasaan gembira, sedih, marah, terkejut dan sebagainya
- boleh dijadikan hiasan dan cenderamata



Topeng yang dipakai 





Seni Bahasa

Mari Menari

Marilah teman
 Mari teman kita menari
 Kita menari ikut irama
 Merdu sekali

Marilah teman
 Mari teman kita menari
 Tarian inang lemah gemalai
 Rentak ditari

Marilah teman
 Mari teman kita menari
 Uniknya ngajat lambang pahlawan
 Gagah berani

Marilah teman
 Mari teman kita menari
 Tarian limbai kaumlah Bajau
 Memikat hati

(Melodi Lagu
 “Anak Ayam Turun Sepuluh”)



IMBAS SAYA

Maksud

Kita hendaklah menari mengikut
 melodi yang sungguh merdu.

Maksud

Kita _____



Maksud



Maksud



Nota Guru



- Bimbing murid menyanyikan lagu.
 - Minta murid menjelaskan maksud lirik lagu.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: KP – Muzik

EMK: Bahasa

4.2.2



Kata Hubung

Pencinta Seni

Hobi ayah Dinesh mengumpulkan kraf tangan ukiran kayu. Beliau melakukan hobi itu kerana beliau amat meminati seni ukiran kayu.

Terdapat pelbagai jenis kraf tangan ukiran kayu yang telah dikumpulkan oleh beliau. Kraf tangan itu termasuklah bingkai cermin, rantai kunci dan kotak hiasan. Kraf tangan itu diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi seperti jati dan cengal.

Ayah Dinesh berasa puas apabila dapat memiliki kraf tangan itu. Jika beliau mempunyai masa terluang, beliau akan membersihkan kraf tangan itu daripada habuk dan kekotoran. Beliau menjaga kraf tangan itu dengan baiknya supaya kraf tangan itu kekal cantik.



Ibu Jofri pula suka mengumpulkan terompah. Terompah ialah pengalas kaki seperti selipar yang digunakan oleh masyarakat dahulu. Ibu Jofri meminati terompah _____

- bentuknya unik
- membeli terompah
 - berkunjung ke Melaka
- koleksi terompah
 - tradisional – moden
- disimpan dengan baik
 - tahan lama
 - cantik dipandang



CELIK BAHASA

Kata hubung digunakan untuk menghubungkan dua ayat atau lebih.

Contoh: dan, atau, supaya

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata hubung.
- Minta murid melengkapkan perenggan dengan menggunakan kata hubung dan maklumat yang diberikan.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: BCB – Bacaan Luncuran

EMK: Nilai Murni – Menghargai





Dengar dan berikan alasan.

Cantiknya Kraf Tempurung



tempurung kelapa



dibersihkan



diukir



teko

cawan



tabung



bekas lampu

hasil kraf tempurung



Hai, kawan-kawan! Tempurung kelapa ialah bahan buangan tetapi sangat berguna kepada kita.

Ya, kawan-kawan. Tempurung kelapa jangan dibuang. Tempurung kelapa ini dapat dijadikan kraf tangan seperti teko, cawan, tabung dan bekas lampu.

Saya amat meminati kraf tangan ini. Kraf tangan ini .

Betul kata kamu. Saya juga meminati kraf tempurung kerana .



Nota Guru



- Bimbing murid bertutur untuk menilai dan memberikan alasan secara bertatasusila.
- Minta murid memainkan peranan.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Kreativiti dan Inovasi

1.2.1



Baca dan sampaikan.

Wakid



Salam sejahtera para penonton. Saya Arif Ahmad, hos anda dalam rancangan Seri Warisan. Pada kali ini, saya ingin mengajak anda mengenali sejenis kraf tangan unik dari Sabah, iaitu wakid.



Wakid ialah sejenis bakul yang digunakan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah. Bakul ini berbentuk bujur dan mempunyai ruang terbuka pada bahagian atas. Bakul wakid ini diperbuat daripada buluh, rotan, salingawang atau kulit kayu. Anyamannya kukuh dan tahan lama.



Wakid digunakan oleh golongan petani atau penduduk kampung sejak turun-temurun. Wakid memudahkan kerja mereka. Mereka menggunakan wakid untuk mengangkut hasil tanaman.



Kini, wakid tidak hanya digunakan untuk tujuan pertanian. Keunikan dan kehalusan seni wakid telah menarik minat orang ramai, terutamanya para pelancong. Produk kebanggaan Sabah ini dijual di kedai-kedai kraf tangan. Pelancong membeli wakid untuk dijadikan perhiasan rumah dan cenderamata.



Gaya Penyampaian



baik



sederhana



kurang memuaskan

Nota Guru

- Bimbing murid membaca teks dengan gaya penyampaian yang sesuai.
- Minta murid menilai bacaan rakan mereka.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: BCB – Bacaan Mekanis

EMK: Kreativiti dan Inovasi





Tulis jawapan.

Indahnya Hiasan



Bunga manggar digunakan untuk mengiringi pasangan pengantin dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu.






Thoranam ialah hiasan daun yang dianyam daripada daun kelapa. Masyarakat India memasang thoranam di hadapan rumah mereka semasa perayaan Deepavali, Ponggal dan majlis perkahwinan.



Hiasan kepala yang dipakai oleh masyarakat Orang Asli dikenali sebagai tempok.



Pokok limau sering dijadikan hiasan oleh masyarakat Cina semasa menyambut Tahun Baharu Cina.

1. Apakah thoranam?
2. Bilakah pokok limau sering dijadikan hiasan oleh masyarakat Cina?
3. Bagaimanakah masyarakat Orang Asli menghias kepala mereka? 
4. Selain majlis perkahwinan, bunga manggar digunakan dalam majlis apa? 
5. Mengapakah perhiasan digunakan semasa mengadakan majlis atau menyambut sesuatu perayaan? 

Nota Guru



- Bimbing murid menjawab soalan bertumpu dan bercapah.
- Minta murid menulis jawapan.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Nilai Murni – Rasional

3.2.2



Seni Bahasa

Busana Sarawak

Sungguh **indah**
busana Sarawak
indah dipandang
kaya seni bangsa.

Halus dan berseni
pakaian kaum Iban
tenunan bercorak
unik sekali.



Melayu Sarawak
anggun bergaya
segak bersamping
bertudung kepala.

Kaum Melanau
amat mempesonakan
berpakaian **cantik**
memikat hati.




Nukilan: AR Kamil






IMBAS SAYA



Sungguh **molek**
busana Sarawak
berseri di mata
kaya seni bangsa.

Halus dan berseni
pakaian kaum Iban
tenunan bercorak
_____  sekali.

Melayu Sarawak
_____  bergaya
segak bersamping
bertudung kepala.

Kaum Melanau
_____ 
berpakaian **sopan**
_____ .

sungguh menawan

cantik

menarik perhatian

istimewa

Secara berpasangan, buat persembahan mendeklamasikan sajak.

Nota Guru

- Bimbing murid mengubah suai sajak.
- Minta murid mendeklamasikan sajak.

KBAT – Mencipta

Strategi PdP: BCB – Mencatat

EMK: Nilai Murni – Menghargai





Kata Sendi Nama

Pattu Pavadai


Pattu pavadai ialah pakaian tradisional kaum India. Pakaian itu dipakai **oleh** kanak-kanak perempuan India di bawah umur 12 tahun. Biasanya, pakaian itu diperbuat **daripada** kain sutera. Pakaian itu sangat cantik.



Gauri mempunyai sepasang pattu pavadai. Dia amat suka **akan** pakaian itu. Dia memakai pakaian itu **pada** hari perayaan Deepavali. Dia juga memakai pakaian itu apabila berkunjung **ke** majlis keraian.






Baru-baru ini, ibu Gauri membeli sepasang pattu pavadai baharu untuk Gauri. Beliau membeli pakaian itu **di** sebuah kedai tidak jauh **dari** rumahnya. Gauri berasa amat gembira. Dia berterima kasih **kepada** ibunya.



Pavadai Thavani

Pavadai thavani ialah pakaian tradisional yang dipakai oleh remaja perempuan India. Pakaian itu diperbuat  kain sutera. Pakaian itu sangat cantik dan mempunyai pelbagai corak dan warna.

Kakak Gauri mempunyai dua pasang pavadai thavani. Dia amat sayang  pakaian itu. Pakaian itu dihadiahkan  ibunya.

Pada minggu lalu, kakak Gauri berkunjung  majlis perkahwinan gurunya. Majlis itu berlangsung  Taman Damai. Taman itu terletak tidak jauh  rumahnya. Dia memakai pavadai thavani  hari tersebut. Kawan-kawannya memuji kecantikan pakaian itu. Dia mengucapkan terima kasih  mereka.



CELIK BAHASA

Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menerangkan kata nama atau frasa nama tersebut.

Contoh: di, dari, daripada, pada, kepada

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata sendi nama.
- Minta murid melengkapkan petikan dengan kata sendi nama.





PEMULIHAN

A. Dengar dan berikan respons.



Ini kuih tradisional Melayu. Nama kuih ini baulu.

Sekolah kita akan mengadakan karnival permainan tradisional tidak lama lagi.

Ya, Aidil. Saya suka akan kuih itu. 

rasa – sedap

Wah, seronoknya! Saya 

mengambil bahagian – congkak



B. Baca petikan di bawah. Kemudian, nyatakan maklumat.

Orang Cina menggunakan penyepit semasa makan. Alat ini telah digunakan oleh mereka sejak turun-temurun. Selain orang Cina, orang Jepun, orang Korea dan orang Vietnam juga menggunakan alat ini.

Biasanya, penyepit diperbuat daripada kayu, buluh atau plastik. Namun begitu, terdapat juga penyepit yang diperbuat daripada gading atau perak.



nama alat

}  _____

digunakan bila

}  _____

diperbuat daripada

}  _____

pengguna

}  _____





PENGAYAAN

Lakukan tugas di bawah.


Arahan:

1. Teliti gambar yang ditunjukkan.
2. Lengkapkan jadual dengan nama benda dan kategorinya yang betul.
3. Bina ayat berdasarkan gambar dengan menggunakan **kata sendi nama** atau **kata hubung** yang sesuai.
4. Lihat contoh yang diberikan.

kompang



gasing



tembikar Sarawak



idli



gendang



dodol









catur cina



labu sayong



kuih chang

Kategori	Benda	Ayat
makanan	dodol, idli, kuih chang	Dodol itu dibeli oleh ayah Aidil.
alat muzik		
permainan		
kraf tangan		



KERJA PROJEK

Hasilkan buku skrap tentang makanan, alat muzik, permainan, dan kraf tangan tradisional pelbagai kaum di Malaysia.



Bina dan tulis jawapan.



Berkunjung ke Muzium Layang-layang

Pada musim cuti sekolah yang lalu, Najwa sekeluarga telah berkunjung ke Muzium Layang-layang. Muzium itu terletak di Pasir Gudang, Johor.

Di muzium itu, Najwa dapat melihat pelbagai jenis layang-layang. Terdapat lebih daripada 800 layang-layang tempatan dan luar negara dipamerkan di situ. Najwa berasa amat kagum. Layang-layang bukan sahaja dimainkan tetapi juga dipertandingkan. Selain itu, layang-layang boleh dijadikan perhiasan. Setiap layang-layang yang dipertandingkan akan disumbangkan sebagai artifak kepada Muzium Layang-layang.

1. Najwa pergi ke Muzium Layang-layang dengan siapa?
2. Muzium Layang-layang terletak di mana?
3. Bilakah Najwa pergi ke Muzium Layang-layang?
4. Mengapakah lawatan itu berfaedah kepada Najwa?
5. Bagaimanakah perasaan Najwa semasa berkunjung ke muzium tersebut?



PENILAIAN

A. Bina dan tulis perenggan berdasarkan bahan yang disediakan.



- masukkan air, yogurt dan sedikit garam ke dalam sebuah bekas
- kacau bahan tersebut sehingga sebati



- masukkan hirisan halia dan cili hijau
- kacau bahan tersebut



- masukkan biji sawi dan daun kari yang telah digoreng
- kacau bahan moru tersebut sehingga sebati
- moru sedia untuk diminum

Dinesh amat menggemari sejenis minuman tradisional India yang dikenali sebagai moru. Dia telah mempelajari cara membuat minuman itu daripada Internet. Cara membuat moru tidaklah begitu sukar.

Mula-mula, _____

B. Lengkapkan ayat dengan kata hubung atau kata sendi nama yang betul.

kerana

oleh

daripada

pada

dari

apabila

agar

atau

Pada minggu lepas, Chun Han menyaksikan persembahan angklung. Persembahan itu dipersembahkan _____ kumpulan angklung sekolahnya. Mereka terdiri _____ murid Tahun 5 dan Tahun 6.

Chun Han menyaksikan persembahan itu _____ awal hingga akhir. Dia berasa terhibur _____ persembahan itu sangat menarik. Dia dapat mendengar bunyi angklung yang merdu _____ alat muzik itu digoncangkan. Dia berharap _____ persembahan muzik tradisional tersebut dapat diadakan di sekolahnya lagi.



Bacaan Luas

Warna bagi Masyarakat Cina



Dalam masyarakat Cina, warna mempunyai makna atau melambangkan sesuatu perkara. Ada warna yang melambangkan keuntungan, kemakmuran, kesucian dan kesedihan. Oleh sebab itu, masyarakat Cina amat mementingkan penggunaan warna yang sesuai, terutamanya semasa menyambut sesuatu perayaan atau menjalankan upacara kebudayaan.

Warna merah melambangkan tuah atau keuntungan. Oleh sebab itu, warna ini sering menjadi pilihan untuk digunakan pada pakaian, perhiasan, peralatan dan sebagainya. Namun begitu, warna merah dilarang untuk digunakan semasa upacara pengebumian.

Warna kuning atau keemasan ialah warna diraja pada zaman dahulu. Warna ini dikaitkan dengan kuasa dan kekayaan. Warna ini juga dianggap sebagai warna yang membawa tuah.

Warna putih melambangkan kesucian dan sering digunakan dalam upacara pengebumian. Warna hitam pula melambangkan kesedihan dan dikaitkan dengan upacara perkabungan. Oleh sebab itu, orang Cina tidak digalakkan memakai pakaian berwarna putih atau hitam semasa menyambut perayaan Tahun Baharu Cina. Tetamu juga tidak digalakkan berbuat demikian.



TEMA

5

ALAM BERSIH HIDUP SEJAHTERA

Buah pelaga buah mempelam,
Tumbuh selasih di tepi telaga;
Satu keluarga lestarikan alam,
Udara bersih ceriakan keluarga.

Pohon cermai pohon ciku,
Hinggap kedidi membawa jerami;
Hijau damai kawasan sekolahku,
Murid berbudi cintai bumi.

Pokok betik dihinggap camar,
Pokoknya rendah tumbuh setara;
Alam cantik tidak tercemar,
Negara indah rakyat sejahtera.

Nota
Guru



- Bimbing murid berbincang tentang gambar.

SILA GUNAKAN
PENGERING
TANGAN



Unit 13

Prihatin akan Alam



Jelaskan dan banding bezakan.

Gunakan Kami



Chun Han: Wah, bersihnya sekolah kita!

Dinesh: Ya, Chun Han. Sekolah kita bersih sejak rumah dan tong kitar semula diletakkan di kawasan sekolah kita.

Chun Han: Saya berharap agar warga sekolah menggunakannya dengan cara yang betul. Langkah ini .

Dinesh: Apakah persamaan rumah kitar semula dengan tong kitar semula?

Chun Han: Persamaan . Dinesh, beritahu saya perbezaannya pula.

Dinesh:

Chun Han: Apakah kebaikan tong kitar semula berpenutup kepada alam, Dinesh?

Dinesh:

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti maklumat tersurat dan tersirat berdasarkan Peta Buih Berganda.
 - Minta murid menjelaskan dan membandingbezakan maklumat secara kritis dan kreatif.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik EMK: Kelestarian Global



Baca dan fahami teks.

Sukarelawan Alam Penyelamat Bumi



Sukarelawan Alam Penyelamat Bumi

Adakah kamu sayang akan alam sekitar? Tunaikan tanggungjawab kamu sebagai pencinta alam. Sertailah aktiviti yang menarik ini. Kamu berpeluang untuk menyumbangkan tenaga demi kesejahteraan alam sekitar.



Aduan Kegiatan Pencemaran Alam

Wahai, sukarelawan alam! Apakah tindakan kamu jika ternampak seseorang mencemarkan alam?

Sebagai sukarelawan alam, tentulah kamu akan membuat aduan kepada Jabatan Alam Sekitar dengan segera. Kamu boleh membuat aduan melalui telefon, sistem pesanan ringkas, e-mel dan sebagainya.

Pesalah yang memusnahkan alam perlu ditangkap dan dihukum agar alam kita terpelihara.

Kamu boleh menjadi fasilitator dalam Kempen Alam Sekitar. Sebagai fasilitator, kamu dapat memberikan kesedaran tentang tanggungjawab menjaga alam sekitar kepada kawan-kawan.

Kamu patut menggalakkan kawan-kawan untuk menyertai aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

Jangan lepaskan peluang ini. Marilah kita bersama-sama menyelamatkan bumi demi masa depan kita.

Sila hubungi **012-444** untuk keterangan lanjut.

Nyatakan tanggungjawab sukarelawan alam.

Nota Guru



- Minta murid membaca petikan.
- Minta murid memberikan isyarat untuk menilai bacaan rakan mereka.
- Minta murid menjawab pernyataan.

KBAT – Menilai Strategi PdP: BCB – Bacaan Mekanis EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

2.1.1



Analisis dan catat maklumat.

Asingkan Dahulu sebelum Buang

Dinesh berbual-bual dengan pengusaha kantin sekolahnya tentang cara pengurusan sisa pepejal. Cara pengurusan sisa pepejal ini penting untuk mengelakkan pencemaran bau.



Cara Mengurus Sisa Pepejal Dapur

Sumber: <http://www.kpkt.gov.my/separationatsource/>

Cara mengurus sisa pepejal dapur

- | | |
|------------------------------------|----------|
| 1. Mengumpulkan sisa pepejal dapur | 4. _____ |
| 2. _____ | 5. _____ |
| 3. _____ | |

Nota Guru

- Bimbing murid menganalisis dan mencatat maklumat. KBAT – Menganalisis Strategi Pdp: Kontekstual EMK: Kelestarian Global





Ubah suai cerita.

Selamatkan Alam Kita

Pada suatu hari, hujan sangat lebat. Tiba-tiba, **Sang Tanah** menjerit, “Tolong! Tolong! Aku semakin terhakis.”

Selepas hujan **reda**, **Sang Tanah** sangat sedih. Dia semakin **menggelongsor**. Dia bimbang keadaan tersebut membahayakan sekolah Dinesh.

Selepas itu, **Sang Rumput** **menegur Sang Tanah**, “**Sang Tanah**, izinkan aku tumbuh pada badan kamu. Aku dapat menahan hakisan,” kata **Sang Rumput**.

“Baiklah, **Sang Rumput**,” kata **Sang Tanah**.

Sejak hari itu, **Sang Rumput** tumbuh **subur** di tebing sekolah. Akar **Sang Rumput** mencengkam **Sang Tanah**. Oleh sebab itu, hakisan tidak berlaku lagi apabila hujan lebat.

Sang Tanah dan **Sang Rumput** tersenyum **riang** kerana saling membantu untuk mengekalkan **keindahan** alam.



Sang Tebing



berhenti

Sang Tebing

runtuh




Sang Buluh

menyapa

Sang Tebing

segar



gembira

kesejahteraan





Kata Nafi

Bertindak Bijak Alam Terpelihara



- Norah: Pak cik, itu perangkap sampah?
 Pak Cik Tan: Itu **bukan** perangkap sampah. Itu ialah perangkap minyak masak.
- Dinesh: Adakah perangkap itu dipasang di atas ruang dapur kantin sekolah kita?
 Pak Cik Tan: Perangkap itu **tidak** dipasang di atas tetapi di bawah ruang dapur.
- Chun Han: Adakah perangkap itu diperbuat daripada plastik?
 Pak Cik Tan: Perangkap itu bukan daripada plastik tetapi daripada besi.
- Dinesh: Wah, bagusnya perangkap minyak itu! Dengan adanya perangkap minyak itu, alam sekitar tidak tercemar. Oleh sebab itu, air yang mengalir di longkang itu sentiasa bersih.

Itu perangkap minyak tetapi perangkap sampah. Perangkap sampah itu Pak Cik Abu yang membinanya tetapi pihak sekolah.

Perangkap sampah itu terletak jauh dari kantin sekolah. Dengan adanya perangkap sampah itu, Pak Cik Abu perlu lagi mengutip sampah di dalam longkang.

Sampah seperti botol plastik, barangan kaca untuk dibuang. Sampah ini dapat dikitar semula. Oleh sebab itu, alam sekitar tercemar.



CELIK BAHASA

Kata nafi ialah perkataan yang digunakan untuk menafikan atau menidakkan sesuatu.
tidak – digunakan sebelum frasa kerja dan frasa adjektif
bukan – digunakan sebelum frasa nama dan frasa sendi nama

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata nafi dalam ayat.
 - Minta murid melengkapkan ayat dengan menggunakan kata nafi yang sesuai.
- KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: Kontekstual EMK: Kelestarian Global



Berikan respons.

Gunalah Saya

**Pengering tangan**

- mesra alam
- mengurangkan penggunaan kertas tisu
- mengurangkan jumlah sampah
- dapat menyelamatkan pokok
- dapat mengelakkan penebangan pokok

Apakah alat itu, Aidil?

Chun Han, itu alat pengering tangan.

Mengapakah kita tidak menggunakan kertas tisu?

Alat itu lebih

Apakah kebaikan penggunaannya, Aidil?

Bagaimanakah kita dapat menyelamatkan pokok? Bolehkah Aidil jelaskan?

Chun Han, kertas tisu diperbuat daripada pokok. Dengan menggunakan pengering tangan,

Banyak kebaikannya, Chun Han. Dengan menggunakan alat itu, kita dapat

Barulah saya faham. Terima kasih, Aidil.

Nota Guru

- Minta murid memberikan respons terhadap soalan yang dikemukakan.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: KP – Interpersonal EMK: Nilai Murni – Prihatin

1.2.3



Baca dan buat gambaran.

Fikir sebelum Buang

Pada suatu malam, Gauri melayari Internet. Dia ingin mencari maklumat tentang kesan pembuangan minyak masak terhadap alam. Gauri ditemani ibunya, Puan Kamala.

Facebook


Twitter

WhatsApp



KESAN PEMBUANGAN MINYAK MASAK TERHADAP ALAM SEKITAR

Sebab



Akibat



singki tersumbat



tumbuhan mati



Kini, Gauri cuba mendapatkan maklumat tentang kesan pembuangan minyak masak terhadap laut dan hutan. Marilah kita bersama-sama dengan Gauri mencari maklumat tersebut dengan melayari Internet.



Tulis ayat yang diimplakkan.


Alamku Bersih



Encik Ming hendak mengecat rumahnya. Beliau membeli cat yang mesra alam. Cat itu bebas daripada bahan kimia yang akan merosakkan alam. Cat itu juga mengurangkan rasa panas di dalam rumah.



Chun Han minum air kelapa. Dia menggunakan gelas kaca. Dia tidak menggunakan gelas plastik atau kertas kerana hendak mengurangkan pembuangan sampah.



Chun Han selalu dinasihati oleh ayahnya tentang penjagaan alam. Sebelum keluar dari biliknya, Chun Han akan menutup semua suis elektrik. Oleh sebab itu, Chun Han dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik.

Nota Guru



- Minta murid membaca ayat dalam petikan.
 - Minta murid mengimlak ayat yang dibacakan oleh rakan atau guru.
- KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: KP – Naturalis EMK: Kelestarian Global

3.2.4



Seni Bahasa

Amalan Hijau

Ajak-ajak semua, berbakti kepada alam (4x)

Marilah **ayah** tanamlah pokok
Jadi teduhan ketika panas
Kawasan **rumah** sentiasa hijau
Udara **segar** nyaman sekali

Ajak-ajak semua, berbakti kepada alam (4x)

Botol dan **plastik** perlu diasing
Hantar ke pusat kitar semula
Sampah di **rumah** sudah tiada
Alam yang bersih idaman semua


Ajak-ajak semua, berbakti kepada alam (4x)

Bekas tadahan siap sedia
Lebatnya hujan, tadahan penuh
Gunakan air hujan **siramlah pokok**
Pokok pun tumbuh segar menghijau

(Melodi Lagu “Enjit-enjit Semut”)



IMBAS SAYA



cucilah longkang

**longkang pun
bersih indah
dipandang**

Nota Guru

- Bimbing murid mengubah suai seni kata lagu berdasarkan perkataan dan frasa.
- Minta murid mempersembahkan lagu secara kreatif.

KBAT – Mencipta

Strategi PdP: KP – Muzik



EMK: Nilai Murni – Kesyukuran








Kata Bilangan

Rumahku Mesra Alam

Pada setiap hujung minggu, Chun Han dan keluarganya bergotong-royong mengemas rumah. **Setiap** anggota keluarga mempunyai tugas. Ayah Chun Han memasang  keping bidai pada tingkap rumah. Oleh sebab itu,  kawasan di dalam rumah tidak panas. Jadi, penggunaan penyaman udara dapat dikurangkan.

Ibu Chun Han pula memberikan  helai kain pengelap kepada kakak Chun Han. Kain pengelap itu digunakan untuk mengelap habuk. Oleh sebab itu, mereka tidak perlu menggunakan tisu.

Di dapur, Chun Han menyusun  botol kaca di dalam kabinet. Botol-botol itu boleh digunakan semula untuk mengisi air kosong.

Di bilik tidur pula, kakak Chun Han mengutip  biji bateri lama. Dia memasukkan bateri itu ke dalam kotak untuk dihantar ke pusat kitar semula. Bateri lama tidak boleh dibuang sesuka hati kerana sukar untuk dilupuskan.

enam



beberapa



setiap



dua



seluruh



semua

CELIK BAHASA

Kata bilangan ialah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada frasa nama dan hadir sebelum frasa nama.

Kata bilangan tentu menunjukkan jumlah yang tentu.

Contoh: dua, lima

Kata bilangan tak tentu menunjukkan jumlah yang tidak tentu.

Contoh: beberapa, semua

Nota Guru



- Minta murid melengkapkan kata bilangan berdasarkan gambar.
- Minta murid membina ayat dengan menggunakan kata bilangan.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Nilai Murni – Berjimat Cermat

5.1.4(iv)

Unit 15

Selamatkan Alam Kita




Ceritakan.

Mesra Alam

“Wah, cantiknya!” kata Chun Han kepada ayahnya. Ayah Chun Han _____

- Wah, cantiknya!
- kereta baharu
- mesra alam




- bagaimanakah
- mengecap bateri



- amboi
- senyap
- bergerak lancar



- tiada asap
- udara bersih



Pada cuti sekolah yang lalu, Chun Han dan keluarganya pulang ke kampung.

“Wah, _____”

Nota Guru

- Bimbing murid bercerita berdasarkan gambar dan frasa.
- Minta murid memberikan isyarat 🙄 🙄 🙄 untuk menilai persembahan rakan mereka.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Nilai Murni – Keprihatinan


1.3.1



Baca dan analisis.

Panel Solar

Puan Rubiah, jiran Chun Han. Beliau menerima bantuan panel solar. Beliau menerima panel solar bersempena dengan Program Suriaku. Ayah Chun Han, Encik Ming membantu Puan Rubiah memasang panel solar di atas bumbung.



Encik Ming memasang panel solar menghadap ke arah matahari. Encik Ming memberitahu panel solar yang dipasang dapat menghasilkan tenaga elektrik melalui cahaya matahari. Alat ini juga dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik di rumah.

“Adakah tenaga solar ini mesra alam?” tanya Puan Rubiah.

“Ya. Tenaga solar ini mesra alam kerana tidak menggunakan bahan api. Tenaga solar yang dihasilkan tidak mengeluarkan gas beracun. Jadi, udara kita akan lebih bersih dan suhu panas bumi akan berkurangan,” kata Encik Ming.

Sejak hari itu, Puan Rubiah menggunakan bekalan elektrik yang dihasilkan oleh tenaga solar.



CELIK ILMU

Bahan api terbentuk daripada proses semula jadi. Contoh bahan api diperolehi daripada sumber arang, petroleum dan gas asli.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami cerita.
 - Minta murid melengkapkan peta grafik.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: BCB – Bacaan Intensif

2.3.1


EMK: Kelestarian Global






Tulis draf dan karangan.

Sisa Kumbahan Penjana Teknologi Hijau




Pada suatu hari, saya dan kawan-kawan menyertai lawatan. Kami menaiki bas di sekolah lalu ke **satu** pusat rawatan sisa kumbahan. Bas itu **berlepas** pada pukul 8:00 **Pagi**.



- sampai
- disambut oleh seorang pegawai
- memberikan taklimat

Draf Penulisan




Selepas itu, kami di tempat rawatan sisa kumbahan. Kami melihat sebuah perangkap sampah dalam tempat itu. Perangkap sampah itu dapat menasingkan sampah dengan air.



- pulang
- pengalaman
- gembira
- pengetahuan menjaga alam sekitar

Pada suatu hari, saya dan kawan-kawan menyertai lawatan. Kami menaiki bas di sekolah lalu pergi ke **sebuah** pusat rawatan sisa kumbahan. Bas itu **bertolak** pada pukul 8:00 **pagi**.

Kami sampai 



Kata Berimbuhan Awalan dan Akhiran Program Kejiranan Hijau

Salam sejahtera. Saya Nurul, hos anda dalam **rancangan** Kejiranan Hijau. Hari ini, kita berpeluang untuk menemu ramah Encik Isa bin Idham, Ketua Kampung Indah. Encik, terima kasih kerana sudi ditemu bual. Bolehkah encik **nyatakan** usaha yang telah dilakukan oleh penduduk untuk **menjaga** alam sekitar di sini?

Terima kasih, Puan Nurul. Penduduk kampung telah membina palang penghalang pada pejalan kaki. Semua kenderaan memasuki kawasan ini. ini kami supaya kawasan ini bebas daripada asap kenderaan.

Encik Isa, bagaimanakah penduduk kampung idea ini dan apakah kesan kepada penduduk apabila alam ini dipelihara?

Itu mudah sahaja. Internet. Pelbagai maklumat tentang melestarikan alam ada di situ. Kesannya, penduduk dapat sambil menghirup udara yang segar. Di persekitaran laluan itu, mereka menanam pokok . Mereka boleh berehat jika penat.

Terima kasih, Encik Isa.

Sama-sama, Puan Nurul.

arahan

dilarang

berjoging

mendapat

layari

laluan

patuhi

teduhan



CELIK BAHASA

Kata berimbuhan awalan ialah kata dasar yang menerima imbuhan pada awal kata.
Kata berimbuhan akhiran ialah kata dasar yang menerima imbuhan pada akhir kata.

Nota Guru



- Bimbing murid memahami penggunaan kata berimbuhan awalan dan akhiran yang terdapat dalam petikan.
KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Nilai Murni – Menghargai

5.2.1(i&ii)




PEMULIHAN

Baca petikan dan berikan bintang bacaan kepada rakan. Kemudian, isi maklumat.

Pada hari minggu yang lalu, hujan lebat. Tebing di belakang rumah Chun Han **terhakis**. Semua **rumpun telah menggelongsor**. Akibatnya, kawasan itu **menjadi lurah kecil**.

Ayah Chun Han pergi ke kedai batu bata. Beliau telah membeli batu bata. Batu bata itu sesuai untuk menahan hakisan tanah.

Pada waktu petang, Chun Han dan ayahnya menyusun batu bata itu di lereng tebing yang runtuh. Selepas itu, **tanah tidak runtuh** lagi. **Rumput dapat tumbuh** dengan segarnya dan **tebing menjadi kukuh**.





Tebing selepas hujan lebat.





Tebing selepas disusun batu bata.


Tebing terhakis













PENGAYAAN

Berdasarkan nombor, masukkan imbuhan pada perkataan.
Kemudian, bina ayat.

0

1

2

3

4

5

6

7

8

9

d

a

k

m

n


g

e

i

b

r



14

tadah



07

tanam



869

kongsi



3645

ikat



214

elak



364

catat





PENGUKUHAN

Catat maklumat dalam grafik.

Pada minggu lepas, Aidil dibawa oleh ibunya ke pasar raya. Dia hendak membeli peralatan sekolah yang mesra alam.

Mula-mula, dia membeli pembaris kayu. Pembaris itu murah dan tahan lama berbanding dengan pembaris plastik.

Seterusnya, dia membeli kotak untuk menyimpan buku dan alatan untuk belajar. Dia membeli kotak yang diperbuat daripada kertas. Kotak itu nipis dan boleh dijual untuk dikitar semula jika tidak diperlukan.


Dia juga membeli pen mesra alam. Pen itu diperbuat daripada bahan kitar semula. Batang pen itu daripada kayu dan kertas. Pen itu ringan dan cantik.

Sebelum pulang, dia membeli krayon yang diperbuat daripada lilin sarang lebah. Krayon ini tidak mengandungi bahan kimia. Oleh sebab itu, krayon ini selamat digunakan.



Alatan

Keistimewaan





PENILAIAN

Lengkapkan petikan dengan perkataan yang sesuai. Kemudian, jawab soalan.

dijaga

bergambar

terpelihara


cemari

masukkan




pengusaha



tumbuhan


Pada cuti sekolah yang lalu, Encik Jamil membawa keluarganya ke Keningau, Sabah. Di Kota Kinabalu, Encik Jamil menyewa sebuah kereta Proton X70.

“Tolong  semua beg kita ke dalam kereta,” kata Encik Jamil kepada anak-anaknya.

Selepas itu, Encik Jamil memandu kereta dengan berhati-hati kerana kawasan itu berbukit bukau. Keluarga Encik Jamil sangat gembira apabila melihat keindahan Sabah dengan pokok-pokok yang menghijau.

Semasa melalui Banjaran Crocker, mereka teruja. Kawasan itu tetap  kerana hutan simpanan di situ  dengan baiknya. Cuaca di sana sejuk kerana dipenuhi  hijau.

Seterusnya, mereka dapat melihat beberapa inap desa yang dibina di lereng bukit.  mengekalkan pokok-pokok di lereng bukit semasa membina inap desa itu. Keunikannya telah menarik perhatian mereka. Encik Jamil  dengan anak-anaknya di situ.

“Usah kamu  alam ini. Kita mestilah menjaga alam sekitar kita supaya sentiasa cantik,” nasihat Encik Jamil kepada anak-anaknya sebelum sampai di Keningau, Sabah.

1. Bilakah Encik Jamil membawa keluarganya ke Keningau?
A. hari minggu
B. cuti sekolah
C. hari Ahad
D. hari sekolah
2. Apakah yang menyebabkan Encik Jamil dan keluarganya sangat gembira?
A. melihat keindahan Sabah
B. lereng bukit
C. alam sekitar cantik
D. memandu kereta
3. Bagaimanakah pengusaha inap desa mengekalkan keindahan alam?
A. mengekalkan gunung-ganang
B. mengekalkan inap desa
C. mengekalkan pokok-pokok
D. mengekalkan keadaan cuaca
4. Pada pendapat kamu, mengapakah kita mesti menjaga keindahan alam?



Bacaan Luas

Adat Pohon dan Binatang

Di bawah pohon rendah
Berhimpunlah pelbagai binatang
Gemuk, kurus, kecil, dan sedang
Berteduh, berlingung, dan bertandang
Kadang-kadang berdengki dan berkelahi
Siapa lebih layak dan berhak
Menikmati teduh dan buah masak.

Kata tupai, dialah berhak memakan buah
Kerana setelah makan isi, menyemai biji-biji ke tanah.

Kata keluang, dia lebih berjasa,
Selepas makan, menyemai biji di merata-rata.

Kera berasa lebih berbudi,
Selepas menelan buah, menggugurkan tahi ke bumi
Tanah jadi subur untuk semusim lagi.

Beralih angin berganti musim
Daun hijau menjadi kering
Yang tinggal ranting-ranting
Tupai, keluang, monyet menjauhan diri
Berdirilah pohon diterik matahari
Sepi tidak berteman menunggu mati.

Demikianlah adat pohon dengan binatang
Ramai berteduh sewaktu rendah
Yang setia hanya ranting dan dahan
Tupai tak datang, burung pun tak terbang.

(Dipetik daripada *Berguru pada Binatang*
Edisi Khas Sasterawan Negara Baha Zain,
2014, Dewan Bahasa dan Pustaka.)



Datuk Baharudin Zainal (Baha Zain)
Sasterawan Negara Ke-12



TEMA

6

MALAYSIA BUMI BERTUAH

Sayangi Malaysia

Saya sayang, hei
Saya sayang sayang hei
Hei sayang Malaysia
Saya sayang sayang hei

Pokok rumbia di pinggir kali
Pokok duku lebat berbuah
Malaysia hebat sekali
Negaraku bumi bertuah

Saya sayang, hei
Saya sayang sayang hei
Hei sayang Malaysia
Saya sayang sayang hei

(Melodi Lagu “Rasa Sayang”)



IMBAS SAYA

Nota
Guru



- Nyanyikan lagu “Sayangi Malaysia”.



Unit 16

Bangganya Kami




Berceritalah berdasarkan bahan.


Kontinjen Negara



- memakai pakaian kebangsaan
- mengibarkan Jalur Gemilang
- mengharumkan nama negara
- wah, hebatnya

Kawan-kawan, semalam saya menonton kejohanan sukan peringkat antarabangsa. Saya menyaksikan kontinjen negara berarak semasa majlis perasmian kejohanan itu. Mereka 

SJKC TAMAN SUTERA



CELIK ILMU

Kontinjen ialah sekumpulan orang atau atlet yang mewakili sesebuah negara.

Gaya Penyampaian



baik



sedehana



kurang memuaskan

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti bahan yang ditonton.
- Bimbing murid menceritakan perkara yang ditonton dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.
- Minta murid menilai persembahan rakan mereka.



KBAT – Menilai

Strategi Pdp: KP – Verbal-linguistik

EMK: Nilai Murni – Cinta akan Negara

1.3.2



Baca dan analisis.

Hormati Jalur Gemilang



Setiap negara mempunyai bendera negara masing-masing. Bendera negara ialah lambang kedaulatan sesebuah negara. Bendera negara berkait rapat dengan semangat patriotik dalam usaha mempertahankan maruah, bangsa, agama dan ibu pertiwi. Bendera juga merupakan simbol penghormatan, martabat dan kewarganegaraan bagi sesebuah negara. Pada 31 Ogos 1997, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah mengumumkan nama bendera Malaysia sebagai Jalur Gemilang di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Sebagai bendera negara, Jalur Gemilang perlu dihormati dan setiap rakyat Malaysia berhak mengibarkan Jalur Gemilang mengikut panduan yang ditetapkan. Jalur Gemilang hendaklah dipasang secara melintang dan tidak boleh dipasang secara menegak jika tidak dikibarkan.

Penggunaan Jalur Gemilang sebagai pakaian perlu dielakkan kecuali semasa sambutan bulan kemerdekaan dan jangka masa penggunaannya adalah terhad. Jalur Gemilang tidak boleh dijadikan sesuatu benda seperti alas meja, tuala mandi dan alas kusyen. Perbuatan ini dianggap sebagai merendahkan martabat Jalur Gemilang. Selain itu, kita juga tidak boleh mengibarkan Jalur Gemilang yang telah lusuh dan koyak.

(Sumber: Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri)

Penggunaan Jalur Gemilang

Wajar	Tidak Wajar
_____ 	_____ 



Nota Guru



- Bimbing murid membaca dan menganalisis teks.
- Minta murid menerangkan kandungan teks.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: BCB – Bacaan Intensif

EMK: Patriotisme

2.3.1



Edit dan murnikan ayat.

Dinesh, Aidil dan Norah sedang membaca catatan kakak Dinesh dalam Facebook.

Catatanku

Kamala
20 Mac pada 2:00 petang

8:30 pagi – Aku bersiar-siar di tengah kota Amsterdam. Permandangan di kota itu indah sekali.

9:00 pagi – Aku disapa oleh seorang wanita rakyat Malaysia berbangsa cina. Wanita itu faham berbahasa Melayu.

9:30 pagi – Kami duduk sambil minum kopi di sebuah cafe. Kami turut menyertai oleh suami wanita itu.

9:45 pagi – Kami berbual panjang. Perasaan rinduku menghadap tanah air hilang apabila dapat berbual dengan rakyat negara sendiri.

10:00 pagi – Sebelum berpisah kami bergambar bersama-sama.

11:00 pagi – Aku berjalan pulang ke hottedel. Aku amat gembira kerana dapat berjumpa dengan rakyat Malaysia yang mempunyai semangat jati diri yang tinggi.

Nota Guru

- Bimbing murid mengedit ayat.
 - Minta murid memurnikan ayat dari segi ejaan, tanda baca dan imbuhan.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: Kontekstual EMK: Bahasa



Jata Negara

Ini Jata Negara. Jata Negara ialah lambang rasmi Kerajaan Malaysia. Jata Negara juga digunakan pada Panji-panji Diraja dan dokumen rasmi Kerajaan Persekutuan.

Cogan kata yang terdapat pada Jata Negara ialah “**Bersekutu Bertambah Mutu**”. Cogan kata ini ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.



Tulisan Jawi pada Jata Negara.

برسكوتو برتambah mutu
BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU





Kata Berimbuhan Apitan


Kami Anak Malaysia

Aidil dan Mei Fung pandai bersajak. Mereka dipilih **mewakili** sekolah ke **Pertandingan Mendeklamasikan Sajak**. Mereka membuat **persembahan** secara **berpasangan**.

Kami anak Malaysia
miliki **keistimewaan**
jati diri
kami banggakan.

Kami anak Malaysia
jaga maruah
jaga jati diri.

**PERTANDINGAN
MENDEKLAMASIKAN
SAJAK
PERINGKAT DAERAH**



Sebanyak 20 orang murid menyertai **pertandingan** itu. Mereka sekolah masing-masing. Ada yang membuat secara individu. Ada juga yang membuat persembahan secara . Kebanyakan peserta sajak yang bertemakan semangat patriotik. Aidil dan Mei Fung mendeklamasikan sajak tentang dan jati diri sebagai anak Malaysia. Akhirnya, Aidil dan Mei Fung memenangi itu.



CELIK BAHASA

Imbuhan apitan ialah bentuk imbuhan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan belakang kata dasar. Contoh: **kemahiran, pendapatan, perlawanan, menghadiri**

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata berimbuhan apitan.
 - Minta murid melengkapkan petikan dengan kata berimbuhan apitan.
- KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: Konstruktivisme EMK: Patriotisme





Dengar dan sebut.

Serlahkan Semangat Patriotik

Bagaimanakah kamu menunjukkan semangat patriotik kepada negara, Chun Han?

Saya menyanyikan lagu “Negaraku” dengan penuh semangat dan menghormati bendera Jalur Gemilang.

Gauri, sebut jawapan yang dinyatakan oleh Chun Han semula.

Jofri, kamu pula bagaimana?

Saya menampalkan gambar pemimpin negara dan pejuang kemerdekaan pada dinding bilik saya.

Najwa, sebut jawapan yang dinyatakan oleh Jofri semula.

Nota Guru



- Bimbing murid mendengar dan mengecam sebutan.
- Minta murid mengujarkan sebutan yang didengar.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: KP – Interpersonal

EMK: Patriotisme

1.1.1



Baca cerita.

Berbakti demi Negara

Jofri berbual-bual dengan datuknya. Datuk Jofri ialah bekas anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Beliau pernah bertugas di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

“Adakah tugas anggota TLDM mencabar, datuk?” tanya Jofri.

“Ya, Jofri. Tugas anggota TLDM amat mencabar. Mereka perlu menjaga keselamatan perairan negara,” jawab datuk Jofri.

Datuk Jofri mengambil sehelai keratan akhbar lalu menghulurkannya kepada Jofri. Keratan akhbar itu tentang kejayaan sepasukan anggota TLDM menewaskan lanun di perairan negara.

“Datuk terlibat dalam kejadian itu,” kata datuk Jofri.

Menurut datuk Jofri, mereka diserang oleh sekumpulan lanun semasa melakukan rondaan di kawasan perairan negara. Lanun-lanun itu bersenjata api.

Kejadian yang berlaku hampir meragut nyawa datuk Jofri dan rakan-rakannya. Beliau dan rakan sepasukannya telah membalas serangan lanun-lanun itu. Akhirnya, lanun-lanun itu berjaya ditewaskan.

“Wah, hebatnya!” puji Jofri. Beliau amat berbangga kerana datuknya telah berjasa kepada negara.

Secara berkumpulan, senaraikan pasukan keselamatan di negara kita. Bincangkan tugas mereka.



Nota Guru

- Bimbing murid membaca cerita dengan gaya penyampaian yang sesuai.
- Minta murid membuat perbincangan.

KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: BCB – Mendengar dengan Berkesan EMK: Patriotisme






Tulis ayat.

Dik Wan Kebanggaan Kami

Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi atau lebih dikenali sebagai Dik Wan ialah atlet paralimpik negara. Beliau telah mencipta nama dalam acara lompat jauh dan lari pecut. Sebagai tanda penghargaan, Aidil telah menghantar kad ucapan kepada beliau.



Saudara,

Tahniah atas kejayaan saudara mengharumkan nama negara.

Diharapkan saudara terus cemerlang demi negara tercinta.

Kami berasa bangga atas kejayaan saudara.

Daripada,

Aidil





Kisah Sang Kera

Sang Kera dan Sang Tapir tinggal di dalam sebuah hutan. Mereka **anak jati** hutan itu.



Pada suatu hari, ...


Sang Tapir, aku mahu merantau. Aku sudah bosan tinggal di sini.

Sampai hati kamu mahu meninggalkan aku.




Sang Tapir cuba memujuk Sang Kera. Namun, Sang Kera sudah **bulat hati**.

Harap kamu dapat menyesuaikan diri, **masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.**



Setahun kemudian ...

Eh, Sang Kera! Kamu pulang?



Kepulangan Sang Kera **bagai ikan pulang ke lubuk.**

Banyak tempat telah aku kunjungi. Tiada yang lebih  .

Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.

Benar, Sang Tapir.



Nota Guru


- Bimbing murid bercerita dan mengujarkan dialog.
- Minta murid bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa.

KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik EMK: Nilai Murni – Cinta akan Negara



Kata Majmuk Bebas

Rumah Patriotik



Mei Fung dan keluarganya mempunyai semangat patriotik yang tinggi. Setiap tahun, mereka akan menyambut **ulang tahun** kemerdekaan negara dengan penuh semangat. Mereka menghias **rumah teres** mereka dengan cara yang kreatif bagi menunjukkan semangat cinta akan negara.

Mereka memasang Jalur Gemilang di hadapan rumah mereka.



CELIK BAHASA

Kata majmuk bebas ialah bentuk kata yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih untuk membentuk makna yang tertentu.

Contoh: jam tangan, kipas angin, rumah pangsa

Nota Guru



- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata majmuk bebas.
 - Minta murid bercerita dengan menggunakan kata majmuk bebas.
- KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: Konstruktivisme EMK: Patriotisme

5.2.2(i)

Unit 18

Negaraku Hebat



Dengar dan berikan respons.

Jaguh Cilik Negara

Negara kita mempunyai atlet kanak-kanak yang berbakat.

Ya, Chun Han. Sebagai contoh, adik Muhammad Imran Ismail.

Pencapaiannya dalam sukan basikal tolak amat membanggakan.

Benar, Chun Han. 




Nama: Muhammad Imran Ismail bin Shariman

Kejayaan: Juara Kejohanan Dunia Basikal Tolak untuk Kanak-kanak, Piala Strider 2018

Saya mahu menjadi jaguh sukan seperti nya. Saya juga mahu mengharumkan nama negara.

- perlu ada dalam diri setiap warganegara
- semangat yang tinggi dan usaha yang bersungguh-sungguh

Bagus, Chun Han. Sikap seperti itu 

Misi untuk mengharumkan nama negara bukanlah tugas yang mudah.



Nota Guru

- Bimbing murid memberikan respons terhadap ujaran.
- Minta murid melakonkan situasi.



KBAT – Menilai Strategi: KP – Interpersonal EMK: Nilai Murni – Cinta akan Negara



Baca dan sampaikan.

Pasport Malaysia Antarabangsa



Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya Malik bin Adnan, pegawai daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Saya akan memberikan taklimat tentang Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA).

Pasport Malaysia Antarabangsa ialah dokumen rasmi pengenalan diri yang dikeluarkan kepada warganegara Malaysia yang ingin melakukan perjalanan ke luar negara. Pada muka surat utama pasport ini, terdapat gambar dan butiran maklumat peribadi pemegang pasport.

Pasport ini mempunyai rekaan yang unik dan menarik. Rekaan imej pada setiap muka surat di dalam pasport ini berlandaskan lima prinsip Rukun Negara dan mercu tanda negara. Contoh imej ialah Masjid Putra, Istana Negara, Bangunan Parlimen dan Muzium Negara. Selain itu, terdapat juga imej flora dan fauna seperti bunga raya, rama-rama dan burung.

Pasport ini mempunyai ciri keselamatan yang canggih. Maklumat dan data pemegang pasport tersimpan di dalam cip keselamatan. Pasport ini juga mempunyai lebih daripada 50 ciri keselamatan khas dan ditambah baik setiap lima tahun. Ciri keselamatan ini ada yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar dan memerlukan peralatan khas untuk melihatnya. Oleh sebab itu, pasport ini sukar untuk dipalsukan.

Pasport ini boleh dibuat di semua Pejabat Pengeluar Pasport di Malaysia dan di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara. Tempoh sah laku bagi pasport ini ialah lima tahun dari tarikh pasport ini dikeluarkan. Pemegang pasport mestilah mematuhi undang-undang dan peraturan negara yang dilawatinya.

Sekian, terima kasih.

Gaya Penyampaian



baik



sedehana



kurang memuaskan

Nota Guru



- Bimbing murid membaca dengan gaya penyampaian yang sesuai.
- Minta murid menilai persembahan rakan mereka.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: BCB – Bacaan Mekanis

EMK: Nilai Murni – Setia akan Negara



Bina ayat dan perenggan.

Bertuahnya Kita

Sebagai rakyat Malaysia, kita amat bertuah. Pelbagai keistimewaan diberikan kepada kita. Keistimewaan tersebut termasuklah kemudahan perubatan.

Negara kita menyediakan pelbagai kemudahan perubatan seperti klinik dan hospital. Kemudahan tersebut disediakan di desa dan di kota. Dengan adanya kemudahan tersebut, rakyat Malaysia mudah untuk mendapatkan rawatan.

Caj yang dikenakan 

- mendapatkan rawatan
- berbeza
- warganegara dan bukan warganegara
- amat rendah bagi warganegara
- lebih mahal bagi bukan warganegara

KAUNTER BAYARAN
KLINIK KESIHATAN

- **Caj Pesakit Luar Am (Warganegara)**
Bayaran: RM1.00
- **Caj Pesakit Luar Am (Bukan Warganegara)**
Bayaran: RM40.00 (tidak termasuk caj siasatan dan rawatan)
- **Caj Kemasukan Wad (Warganegara)**
Kelas Tiga: RM3.00 sehari
Kelas Dua: RM40.00 sehari
Kelas Satu: RM60.00 – RM120.00 sehari
- **Caj Kemasukan Wad (Bukan Warganegara)**
Kelas Tiga: RM160.00 sehari
Kelas Dua: RM180.00 sehari
Kelas Satu: RM200.00 – RM320.00 sehari

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

- menghargai nikmat
- menyayangi negara

Kita seharusnya bersyukur dengan kemudahan yang disediakan. Selain itu, 



CELIK ILMU

Caj ialah bayaran yang dikenakan untuk sesuatu perkhidmatan atau barang yang dibeli. **Pesakit luar am** ialah pesakit yang hanya menerima rawatan di Jabatan Pesakit Luar Am hospital atau klinik tetapi tidak dimasukkan ke dalam wad.

Nota Guru

- Bimbing murid membina ayat dan perenggan daripada bahan multimedia.
 - Minta murid menulis ayat dan perenggan dengan betulnya.
- KBAT – Mencipta Strategi PdP: Konstruktivisme EMK: Nilai Murni – Rasional



Seni Bahasa

Aku Anak Malaysia

Aku anak Malaysia
aku berjanji
akan setia selalu
padamu negaraku tercinta.

Kita mestilah berjanji untuk sentiasa
taat kepada negara.

Aku anak Malaysia
sentiasa berbakti kepadamu
dengan segala usahaku
agar makmur selalu.

Kita hendaklah berjasa

Aku anak Malaysia
akan kujaga negaraku
agar aman dan sentosa
supaya hidup sentiasa sejahtera.

Kerana,
di sini aku dilahirkan
di sini aku dibesarkan
relaku berkorban
untukmu Malaysiaku.

Nukilan: Amran Bakar



IMBAS SAYA



- Bimbing murid mendeklamasikan sajak.
- Minta murid menjelaskan maksud sajak.



Kata Majmuk Mantap

Identiti Kami



Ayah Norah **kakitangan** di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Beliau bertugas memproses permohonan kad pengenalan atau MyKad. MyKad diperkenalkan sebagai kad pengenalan pintar pelbagai guna. MyKad dikeluarkan kepada **warganegara** yang telah mencapai umur 12 tahun. Kad ini amat berkualiti kerana dihasilkan mengikut piawaian **antarabangsa**.

Ayah Norah melaksanakan tugas dan **tanggungjawabnya** dengan baiknya. Para pelanggan berasa amat gembira. Mereka turut memberikan **kerjasama** yang baik kepada beliau.






Encik Gopal ialah pak cik Gauri. Beliau bertugas di Jabatan Pendaftaran Negara. Pada suatu hari, Gauri berbual-bual dengan pak ciknya tentang MyKid.

Gauri: Apakah MyKid, pak cik?

Encik Gopal: MyKid ialah kad pengenalan diri kanak-kanak  Malaysia. Kad ini dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Kad ini dihasilkan mengikut kualiti bertaraf .

Gauri: Bilakah MyKid boleh dimohon, pak cik?

Encik Gopal: MyKid boleh dimohon selepas ibu bapa mendapat sijil kelahiran anak mereka.  ini mesti dilaksanakan oleh ibu bapa.  JPN sedia memberikan bantuan. Mereka mengharapkan  yang baik daripada pemohon.



CELIK BAHASA

Kata majmuk mantap ialah kata majmuk yang telah mantap ejaannya dan dieja bercantum.
Contoh: matahari, olahraga, sukarela



CELIK ILMU

Piawaian bermaksud standard.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata majmuk mantap.
- Minta murid melengkapkan perbualan dengan menggunakan kata majmuk mantap.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

5.2.2(ii)





PEMULIHAN

Baca cerita dan analisis.



Kegemaran Chun Ming

Chun Ming adik Chun Han. Usianya lima tahun. Dia gemar menonton televisyen. Dia sering menonton rancangan kartun pada waktu petang.

Pada suatu hari, Chun Han berbual-bual dengan Chun Ming. Dia menasihati Chun Ming supaya menonton rancangan kartun berbahasa Melayu.


“Mengapakah saya perlu menonton rancangan kartun berbahasa Melayu?” tanya Chun Ming.

“Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan kita,” jawab Chun Han.

Pada petang itu, Chun Han dan Chun Ming menonton rancangan kartun berbahasa Melayu.

“Wah, seronoknya!” kata Chun Ming sambil ketawa gembira.

Adik Chun Han

Nama	_____ 
Umur	_____ 
Kegemaran	_____ 



PENGAYAAN

antarabangsa

tentera udara

kerjasama

ibu negara

tanggungjawab

tanah air

warganegara


ketua polis

kakitangan

mercu tanda

Panduan Permainan

1. Permainan ini dimainkan oleh lima orang murid.
2. Dalam permainan ini, sebuah lagu patriotik akan dimainkan oleh guru.
3. Semasa lagu itu dimainkan, pemain perlu menyerahkan bendera kecil kepada pemain di sebelah kanannya.
4. Perkara ini dilakukan oleh semua pemain secara berterusan sehinggalah lagu tersebut dihentikan.
5. Apabila lagu dihentikan, pemain yang memegang bendera perlu mengambil satu kad kata majmuk. Pemain perlu membina ayat dengan menggunakan kata majmuk tersebut.
6. Jika jawapan pemain betul, pemain boleh meneruskan permainan. Jika salah, pemain akan terkeluar daripada permainan.
7. Permainan diteruskan sehingga semua kad kata majmuk habis diambil.






PENGUKUHAN

Bina ayat dan perenggan.

Norah hendak menyiapkan projek buku skrap tentang tokoh pejuang kemerdekaan negara. Antara tokoh tersebut termasuklah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun H. S. Lee dan Tun V. T. Sambanthan.

Norah mencari maklumat tentang tokoh-tokoh tersebut. Dia  _____



- pergi ke pusat sumber
- mencari buku
- membaca buku Sejarah



- melayari Internet
- mendapatkan maklumat
- mencetak gambar



- mengunjungi muzium
- mencatat maklumat
- menyiapkan tugasan





PENILAIAN

A. Teliti gambar. Kemudian, ceritakan.



berlatih – permainan



menyertai – kejohanan



johan



mewakili



mengharumkan nama


B. Lengkapi teks dengan perkataan berimbuhan apitan yang betul.


persembahan



pertandingan

kebolehan

memenangi

Abang Najwa mengambil bahagian dalam Pertandingan Video Pendek.  itu terbuka kepada murid sekolah menengah. Video yang dihasilkannya bertajuk “Sayangi Negeraku”. Video itu tentang semangat cinta akan negara.

Najwa telah menonton video yang dihasilkan oleh abangnya itu. Video itu dirakamkan semasa sambutan Hari Kebangsaan. Dalam video tersebut, sekumpulan murid membuat  nyanyian lagu patriotik di dewan sekolah.

“Wah, video ini sungguh menarik!” kata Najwa. Dia berasa bangga akan  abangnya. Dia yakin bahawa abangnya akan  pertandingan itu.



Bacaan Luas

Bulan Bahasa Kebangsaan




Sekolah Kebangsaan Setapak
berjiran dengan Sekolah Chong Hwa
kami selalu berkongsi peristiwa
lawan bola jaring juga sukan lain
satu hari tibalah hari sejarah
Bulan Bahasa Kebangsaan dirayakan
kami berkumpul di sekolah Cina
naik pentas nyanyi bersama
“gunakanlah
bahasa kebangsaan kita
marilah
amalkan ramai-ramai
bahasalah
menyatukan kita semua ...”

Murid-murid Cina pun pakai baju kurung
pinjam dari kami
wakil Menteri pun bangga
salam kami semua
pesannya
“dengan bahasa yang sama
kita akan bersatu padu
sayangilah bahasa
penuh ikhlas
tuntutlah ilmu majukan bahasa kita
untuk anak cucu Persekutuan Tanah Melayu.”

(Dipetik daripada *Kumpulan Puisi
Siti Zainon Ismail: Kasih Bonda*,
2014, Dewan Bahasa dan Pustaka.)



Dr. Siti Zainon Ismail
Sasterawan Negara Ke-14



TEMA

7

KUASAI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**Manfaatkan
Sains dalam
Kehidupan**

Nota
Guru



- Bimbing murid bersoal jawab berdasarkan bahan grafik.





Dengar dan berikan respons.

Begini Caranya

Aidil, mengapakah rantai basikal itu terputus?

Rantai basikal itu terputus kerana berkarat.

Bagaimanakah rantai basikal itu boleh berkarat?

Rantai basikal itu boleh berkarat kerana terdedah pada air dan udara dalam tempoh yang lama.

Mengapakah kamu membubuh minyak pada rantai basikal kamu?

Saya membubuh minyak

Bagaimanakah tindakan itu dapat mencegah karat?

Tindakan itu

Apakah kebajikannya jika rantai basikal kamu tidak berkarat?

Besi berkarat apabila terdedah pada air dan udara.

Nota Guru

- Bimbing murid memberikan respons terhadap soalan.
- Minta murid membuat simulasi.



KBAT – Menganalisis Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Sains dan Teknologi

1.1.3



Baca dan fahami teks.

Baju yang Mana?



Cuaca pada hari itu sangat panas. Aidil mahu memilih baju yang sesuai untuk dipakai pada tengah hari itu. Dia pun membuka almari bajunya.

Di dalam almarnya tergantung beberapa helai baju yang berlainan warna. Ada yang nipis dan ada yang tebal. Baju-baju itu diperbuat daripada jenis kain yang berbeza-beza seperti kain kapas, kain bulu dan poliester.

“Baju apakah yang selesa untuk kupakai?” kata Aidil.

Setelah berfikir sebentar, dia pun mencapai sehelai baju berwarna putih. Baju itu nipis dan diperbuat daripada kain kapas.

Aidil bijak. Dia tahu bahawa kain kapas mudah menyerap peluh. Dia juga tahu bahawa baju yang nipis kurang memerangkap haba. Selain itu, baju berwarna putih dapat mengurangkan kepanasan kerana sifatnya yang memantulkan cahaya dan haba.

“Wah, selesanya baju ini!” kata Aidil dengan gembiranya.



Nilai

Kita perlulah rasional dan bijak menggunakan pengetahuan sains semasa melakukan aktiviti harian.

Nyatakan ciri baju yang sesuai dipakai semasa cuaca panas.



Nota Guru


- Bimbing murid membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.
- Minta murid menjawab pernyataan.
- Minta murid memberikan isyarat 🤔 🤔 🤔 untuk menilai bacaan rakan mereka.





Tulis jawapan.

Manfaatkan Magnet





Buah catur akan melekat pada papan catur.



Mei Fung melekatkan nota kecil pada pintu peti sejuk.

magnet



Gauri membantu kakaknya mengutip pin yang terjatuh di permukaan permaidani.

1. Apakah yang terdapat pada bahagian bawah buah catur?
2. Mei Fung melekatkan nota kecil di mana?
3. Bagaimanakah magnet dapat membantu Gauri menyelesaikan masalahnya?
4. Mengapakah magnet dilekatkan pada buah catur?
5. Apakah kegunaan lain magnet dalam kehidupan kita?



KERJA PROJEK

Gunakan magnet untuk menghasilkan suatu ciptaan yang kreatif.
Contoh: kotak pensel, pelekat peti sejuk, alat permainan

Nota Guru



- Bimbing murid menjawab soalan pemahaman.
- Minta murid menulis jawapan.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Sains dan Teknologi

3.2.2



Seni Bahasa

Pokok, Oh, Pokok!

Pokok, oh, pokok!
Mengapa perlu udara?
Saya perlu akan udara
Untuk tumbesaran (2x)

Bunga, oh, bunga!
Mengapa berbau harum?
Bau saya sangat harum
Untuk pikat serangga (2x)

Daun, oh, daun!
Mengapa perlu cahaya?
Saya perlu akan cahaya
Untuk fotosintesis (2x)

Akar, oh, akar!
Mengapa suka menjalar?
Saya memang suka menjalar
Untuk mencari air (2x)

(Melodi Lagu
"Bangau, Oh, Bangau!")



IMBAS SAYA

Maksud:

Pokok memerlukan udara untuk tumbuh dan membesar.

Maksud:




Maksud:



Maksud:






Kata Ganda Penuh dan Kata Ganda Separa

Taman Sains Sekolah




Gauri: Wah, indahny taman sains sekolah kita!


Dinesh: Ya, Gauri. Taman sains sekolah kita sungguh indah. Pelbagai jenis pokok hidup subur di situ. Ada pokok bunga, pokok herba dan pokok **duit-duit**.


Gauri: Taman sains itu juga menjadi habitat kepada pelbagai jenis haiwan seperti  dan **pepatung**.

Dinesh: Apakah alat yang berbentuk seperti kipas itu?

Gauri: Itu .

Dinesh: Tumbuhan apakah yang menyerupai bawang itu?

Gauri: Tumbuhan itu ialah .

Dinesh: Burung apakah yang hinggap di  pokok itu?

Gauri: Oh, itu burung merpati!

Nota Guru



- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata ganda penuh dan separa.
- Minta murid melengkapkan perbualan.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: KP – Naturalis

EMK: Nilai Murni – Menghargai

5.2.3(i&ii)

Unit 20

Mesra Teknologi



Berikan respons.

Mesin Gelongsor Buku

- digunakan di perpustakaan untuk urusan pemulangan buku
- mesra pengguna
- tidak perlu beratur untuk memulangkan buku
- Buku yang telah dimasukkan ke dalam mesin tidak boleh dikeluarkan.
- Bukti pemulangan buku akan dipaparkan dan dicetak.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Hai, kawan-kawan! Ini mesin gelongsor buku. Mesin ini digunakan di perpustakaan untuk urusan pemulangan buku.

Mesin ini mesra pengguna. Mesin ini memudahkan peminjam buku kerana mereka tidak perlu beratur untuk memulangkan buku.



Selain itu, mesin ini  _____



Nota Guru

- Bimbing murid bertutur untuk menilai dan memberikan alasan secara bertatasusila.
- Minta murid memainkan peranan.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Sains dan Teknologi


1.2.1





Baca dan buat gambaran.

Kod QR (Kod Respons Pantas)




Kod QR ialah kod yang boleh diimbas dengan menggunakan peranti seperti telefon pintar atau tablet. Kod ini boleh menghubungkan peranti terus ke laman web.


Cara Penggunaan



Pilih perisian pengimbas pada telefon pintar atau tablet.



Imbas Kod QR.



Telefon pintar atau tablet akan dihubungkan dengan pantasnya ke laman web.



Maklumat di laman web dapat dibaca atau ditonton.

Kebaikan Kod QR

memperoleh maklumat dengan pantasnya



GELIK ILMU

Peranti ialah alat.

Nota Guru



- Bimbing murid membaca dan memahami bahan grafik.
- Minta murid membuat gambaran.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Sains dan Teknologi

2.2.1



Analisis dan catat maklumat.

Cincin Pintar

Jofri melayari Internet untuk mencari maklumat tentang ciptaan sains yang canggih. Dia perlu mendapatkan maklumat tersebut bagi menyiapkan tugas sainsnya. Satu daripada ciptaan canggih yang menarik perhatiannya ialah cincin pintar.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti maklumat.
- Minta murid mencatat maklumat dalam peta grafik.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Sains dan Teknologi





Canggihnya Kami

Aku pembersih vakum pintar ciptaan manusia canggih dan terkini hebat sekali.

Aku pembersih vakum pintar dapat bergerak dapat menyedut habuk dan kekotoran.

Aku pembersih vakum pintar bekerja di rumah melakukan tugas mulia meringankan beban manusia.

Aku pembersih vakum pintar berteknologi tinggi punyai keistimewaan canggih sekali.

Nukilan: AR Kamil

Aku tablet pintar ciptaan manusia canggih dan terkini hebat sekali.

Aku tablet pintar dapat memproses dapat _____ data dan maklumat.

Aku tablet pintar bekerja di _____ melakukan tugas _____ membantu guru dan _____.

Aku tablet pintar berteknologi _____ punyai _____ _____ sekali.



IMBAS SAYA



sekolah

murid


mengingat

canggih

hebat

kemampuan

penting






Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

Permainan Pembelajaran Bahasa Melayu



Mei Fung suka bermain permainan pembelajaran Bahasa Melayu. Dia bermain permainan itu menerusi tablet. Dia suka akan permainan itu kerana menyeronokkan. Dalam permainan itu, pemain akan menang jika dapat menyelesaikan semua tugas tatabahasa.

Najwa juga suka  _____

Ayat Tunggal

- permainan pembelajaran Bahasa Melayu
- bermain – dengan telefon bimbit

Ayat Majmuk

- suka bermain – kerana – berfaedah
- bermain – jika – mempunyai masa lapang






Jelaskan dan banding bezakan.

Inovasi Topi

selesa dipakai

Topi Serba Guna



produk inovasi

diperbuat daripada bahan kalis air


boleh dijadikan beg dan baju hujan

ada wisel

melindungi kepala daripada panas

ringan

Topi Biasa



buatan kilang

diperbuat daripada kain


tidak boleh dijadikan beg dan baju hujan

tiada wisel



Apakah persamaan dan perbezaan antara topi biasa dengan topi serba guna, Jofri?

Adakah topi serba guna amat sesuai digunakan oleh murid sekolah? Mengapa?



CELIK ILMU

Kalis bermaksud tidak dapat dimasuki sesuatu.

Nota Guru



- Bimbing murid menjelaskan dan membandingbezakan maklumat tersurat dan maklumat tersirat.
 - Minta murid membuat simulasi.
- KBAT – Menganalisis Strategi Pdp: KP – Verbal-linguistik



Baca dan analisis.

Taman dalam Kaca

Ibu Aidil sangat kreatif. Beliau menghasilkan taman mini dalam balang kaca. Taman mini itu dikenali sebagai terarium. Beliau menghasilkan terarium dengan menggunakan bahan seperti balang kaca, batu kecil, tanah, pasir, kompos dan tumbuhan hiasan.

Aidil telah melihat cara terarium dihasilkan. Mula-mula, ibunya memasukkan batu-batu kecil ke dalam balang kaca. Kemudian, beliau memasukkan campuran tanah, pasir dan kompos dengan cermatnya.



Seterusnya, ibu Aidil memasukkan tumbuhan kecil. Sebelum menutup balang kaca itu, beliau menyiram tumbuh-tumbuhan itu.

“Wah, cantik sungguh taman dalam kaca ini!” puji Aidil. Dia berasa amat kagum apabila melihat hasil kerja ibunya yang kreatif dan inovatif.

Tahukah Anda?

- Terarium boleh dijual pada harga RM10.00 hingga RM1800.00.
- Terarium dibuat dengan menggunakan balang kaca terbuka atau tertutup.
- Tumbuhan dapat hidup di dalam terarium antara satu hingga empat tahun.



Bahan	Cara Membuat Terarium
	

Nota Guru

- Bimbing murid membaca dan menganalisis teks.
 - Minta murid melengkapkan bahan grafik.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: BCB – Bacaan Intensif





Tulis ayat yang diimplakkan.




Sistem Penghalau Nyamuk

Biasanya, kita menggunakan ubat nyamuk untuk menghalau nyamuk. Ubat nyamuk yang kita gunakan mengeluarkan asap atau bau. Kini, sudah ada inovasi untuk menghalau serangga ini.

Kita boleh menghasilkan alat penghalau nyamuk sendiri. Alat ini dihasilkan dengan menggunakan alat seperti kualiti terpakai, pembesar suara, wayar halus, pembaris kayu, pelekat, motor mainan bersaiz kecil dan bateri.

Alat penghalau nyamuk ini tidak mengeluarkan asap atau bau. Alat ini menggunakan gelombang untuk menghalau nyamuk. Apabila alat ini dipasang, pembesar suara akan mengeluarkan bunyi bergelombang. Cara ini dapat menghalau nyamuk di kawasan sekitarnya.



* Cadangan pembesar suara:

Pembesar suara jenis *twitter* atau yang sepadan dengannya.

(Sumber: www.zulldesign.com.my)

Nota Guru



- Bimbing murid mengecam ayat dalam perenggan.
- Minta murid menulis ayat yang diimplakkan.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Kreativiti dan Inovasi

3.2.4



Seni Bahasa

Cakera Video Digital Hiasan



Namaku **Cakera Video Digital** atau **DVD**. Aku dilahirkan di sebuah kilang di **Johor Bahru**. Beginilah riwayat hidupku.



Kira-kira **lima tahun** yang lalu, seorang pemuda bernama **Fazli** telah membeli aku. **Fazli** membeli aku kerana mahu **menonton filem yang menarik**.




Fazli amat gembira kerana aku **menayangkan gambar yang jelas dan cantik**.



Pada suatu hari, nasib malang menimpa aku. **Badanku calar-balar**.



Aku sangat **sedih**. Aku dan kawan-kawanku disimpan di dalam sebuah **kotak**.



Namun begitu, **Fazli** tidak membuang aku. Dia mengubah aku menjadi **hiasan rumah**.

Tukarkan watak DVD kepada Mentol. Ubah suai cerita dengan menukarkan maklumat berwarna merah.



Nota Guru

- Bimbing murid mengubah suai cerita.
- Minta murid mempersembahkan cerita.

KBAT – Mencipta

Strategi PaP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Nilai Murni – Rasional





Ayat Penyata

Perabot Batang Paip

Jofri telah berkunjung ke rumah sepupunya di Santubong, Sarawak. Perabot di rumah sepupu Jofri sangat unik kerana diperbuat daripada batang paip.



kerusi – cantik



meja – ruang tamu



rak kasut – kukuh



lampu meja – bilik bacaan

Oleh itu, Jofri mendapat idea. Dia mahu membuat perabot seperti itu di rumahnya.

Nota Guru



- Bimbing murid memahami dan menggunakan ayat penyata.
- Minta murid membina ayat penyata.

KBAT – Mengaplikasi

Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Kreativiti dan Inovasi

5.3.2(i)



PEMULIHAN

Baca cerita dengan sebutan dan intonasi yang sesuai. Kemudian, nilai bacaan rakan kamu.

Dinesh ternampak seekor haiwan yang cantik. Haiwan itu hinggap pada sekuntum bunga.

“Cantiknya rama-rama itu!” kata Dinesh.


“Itu bukan rama-rama tetapi kupu-kupu,” kata Cikgu Gobin.

“Apakah perbezaan antara kupu-kupu dengan rama-rama, cikgu?” tanya Dinesh. Baginya, kedua-dua haiwan itu sama.

Menurut Cikgu Gobin, kupu-kupu aktif pada waktu siang. Rama-rama pula aktif pada waktu malam. Oleh sebab itu, warna sayap kupu-kupu cerah, manakala rama-rama kusam. Selain itu, sesungut kupu-kupu mempunyai bentuk belantan di hujung, manakala pada rama-rama tiada bentuk belantan di hujungnya. Semasa berehat, rama-rama akan mendepangkan sayapnya. Kupu-kupu pula akan melipat sayapnya secara menegak.



rama-rama



sesungut berbentuk belantan



kupu-kupu



CELIK ILMU

Kusam bermaksud pudar.

Gaya Penyampaian



baik



sederhana



kurang memuaskan

- Minta murid menilai bacaan rakan mereka.



PENGAYAAN



Panduan Permainan

1. Sediakan buah dadu yang bertanda AT (Ayat Tunggal) dan AM (Ayat Majmuk).
2. Mulakan permainan dengan membalik buah dadu di atas papan bergambar.
3. Setiap pemain diberi peluang membuat empat kali balingan.
4. Pemain perlu menulis ayat yang berkaitan dengan gambar dan tanda pada buah dadu.
Contoh: Jika buah dadu jatuh di tempat gambar stetoskop dan tanda pada buah dadu ialah AM, pemain perlu menulis ayat majmuk tentang stetoskop.

Ayat Majmuk	Markah
Doktor Ali menggunakan stetoskop kerana mahu memeriksa degupan jantung pesakit.	15

5. Jika ayat pemain betul, pemain akan mendapat markah seperti yang tertera pada gambar tersebut.
6. Pemain yang mendapat markah paling banyak akan dianggap sebagai pemenang.
7. Guru akan bertindak sebagai juri dalam permainan ini.

 10	 30	 10	 20
 15	 20	 10	 5
 30	 20	 15	 10
 20	 15	 5	 20



PENGUKUHAN

A. Catat maklumat pada peta grafik.

Pada 15 Jun yang lalu, SJKC Taman Sutera telah mengadakan Hari Reka Cipta dan Inovasi. Program itu dijalankan di Dewan Besar SJKC Taman Sutera. Program itu bermula dari pukul 8:30 pagi hingga 5:30 petang.

Tujuan program itu diadakan adalah untuk memupuk minat murid tentang sains. Selain itu, program itu bertujuan untuk meningkatkan daya kreativiti dan inovasi murid.

Pelbagai aktiviti seperti pameran sains, pertandingan reka cipta, dan permainan uji minda telah dijalankan. Sambutan yang diberikan oleh murid-murid amat menggalakkan.

Chun Han dan Aidil mengambil bahagian dalam pertandingan reka cipta. Mereka menghasilkan rekaan kreatif menara jam. Menara itu diperbuat daripada botol plastik dan DVD terpakai. Menara itu sangat cantik kerana diterangi lampu kelip-kelip yang berwarna-warni.



B. Lengkapi ayat dengan kata ganda separa atau kata ganda penuh yang betul.



1. Mereka melihat dinosaur yang dipamerkan di Galeri Sains.
2. Chun Han meletakkan itu di atas meja dengan cermatnya.
3. Aidil mengelap basikalnya supaya tidak berkarat.
4. Gauri terkejut apabila ternampak di dahan pokok.
5. Belalang mempunyai sepasang yang berfungsi sebagai organ deria.



PENILAIAN

A. Berikan respons yang sesuai.



B. Gambar di bawah menunjukkan situasi di makmal sains. Bina lima ayat penyata berdasarkan gambar.



TEMA

8

BIJAK BELANJA CELIK WANG

Jika kita rajin menabung,
Hidup kita akan beruntung.

Jika kita bijak berniaga,
Rezeki kita akan berganda.

Jika kita berjimat cermat,
Wang kita akan selamat.

Nota
Guru



- Bimbing murid bersoal jawab berdasarkan gambar dan pernyataan.





Berikan respons.

Jimatkan Perbelanjaan

Apakah yang kamu simpan di dalam kotak itu, Najwa?

Mengapakah kamu menyimpan pakaian itu?

Saya mahu memberikan pakaian itu kepada adik saya. Oleh sebab itu,

Saya menyimpan pakaian lama saya yang masih elok.

Apakah cara lain yang kamu lakukan untuk menjimatkan perbelanjaan keluarga?

Wah, pandai sungguh kamu berjimat cermat!

Terima kasih. Bagaimanakah kamu berjimat cermat, Gauri?

Nota Guru



- Bimbing murid memberikan respons terhadap soalan.
- Minta murid membuat simulasi.

KBAT – Menilai

Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Pendidikan Kewangan

1.2.3



Baca dan analisis.

Panduan Berbelanja

Kita berbelanja apabila mahu membeli sesuatu barangan. Sebagai pembeli, kita mestilah bijak dan berjimat dalam perbelanjaan. Hal ini penting agar kita tidak membazirkan wang.

Sebelum berbelanja, buat senarai barangan yang hendak dibeli. Cara ini dapat memastikan kita membeli barangan yang kita perlukan sahaja. Kemudian, rancang tempat untuk berbelanja dengan telitinya bagi menjimatkan masa, tenaga dan wang.

Semasa berbelanja, kita perlulah mengawal perbelanjaan. Jangan terburu-buru dan mudah terpengaruh oleh tawaran istimewa. Buat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barangan.

Selepas berbelanja, periksa resit pembelian barangan untuk mengelakkan kita tersilap membuat pembayaran. Kira jumlah wang yang telah kita belanjakan dan catat dalam buku rekod perbelanjaan. Jika mempunyai wang baki, simpan wang tersebut di dalam tabung atau di bank.



Panduan Berbelanja

Sebelum

Semasa

Selepas



Nilai

Kita hendaklah berbelanja dengan bijaknya dan mengamalkan sikap berjimat cermat.

Nota Guru

- Bimbing murid membaca dan memahami teks.
 - Minta murid melengkapkan Peta Pokok.
- KBAT – Menganalisis Strategi PdP: BCB – Bacaan Intensif

EMK: Pendidikan Kewangan

2.3.1





Tulis draf dan karangan.


Cara Menjimatkan Perbelanjaan

Draf



Pelbagai cara dapat kita lakukan untuk menjimatkan perbelanjaan. Kita boleh membawa bekal makan dan minum ke sekolah. Kita tidak perlu berbelanja di kantin.

bawa bekal



kongsi kenderaan



tanam sayur sendiri



guna semula barangan terpakai



Nota Guru



- Bimbing murid menulis draf karangan.
- Minta murid menulis karangan.

KBAT – Mencipta Strategi PdP: BCB – Mencatat EMK: Pendidikan Kewangan

3.3.1



Seni Bahasa

Kami Bijak Berbelanja



Bapaku pulang dari kota
Bapaku belikan kereta
Kereta kecil warna merah
Boleh kubawa ke sekolah

Pon pon pon pon pon pon
pon pon pon
Kereta kecilku berbunyi
Marilah adik mari naik
Bolehku bawa jumpa nenek

Bapaku pulang dari kota
Bapaku belikan kereta
Kereta kecil warna merah
Boleh kubawa ke sekolah

Pon pon pon pon pon pon
pon pon pon
Kereta kecilku berbunyi
Marilah adik mari naik
Boleh kubawa jumpa nenek

(Melodi Lagu
"Bapaku Pulang dari Kota")



IMBAS SAYA



KERJA PROJEK

Persembahkan lagu dalam bentuk koir.

Bapaku bijak berbelanja
Bapaku beli sebuah kereta
Kereta besar warna
Kereta harga murah

Pon pon pon pon pon pon
pon pon pon
Kereta bapaku berbunyi
Marilah kawan ikut serta
Kita ke sama-sama

Bapaku bijak berbelanja
Di kedai atau
Bapaku sering berwaspada
 sentiasa

Pon pon pon pon pon pon
pon pon pon
Kereta bapaku
Naiklah kawan naik cepat
Kita belanja dengan

KEDAI SERBANEKA



**LEBIH JIMAT
LEBIH CERMAT**

Nota Guru

- Bimbing murid mengubah suai seni kata lagu.
- Minta murid mempersembahkan lagu secara kreatif.

KBAT – Mencipta

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Nilai Murni – Berjimat Cermat





Ayat Tanya

Lakukan Sendiri, Jimat Belanja



CELIK BAHASA

Ayat tanya digunakan untuk menanyakan sesuatu perkara, tempat, benda, manusia, binatang dan sebagainya.
Contoh: Siapakah peniaga itu?

Nota Guru



- Bimbing murid memahami ayat tanya.
 - Minta murid melengkapkan perbualan dengan menggunakan ayat tanya.
- KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: Konstruktivisme EMK: Nilai Murni – Kerajinan

5.3.2(ii)



Ceritakan.

Karnival Keusahawanan

SJKT Ladang Jati telah menganjurkan Karnival Keusahawanan. Karnival itu bertujuan untuk mendidik murid menjadi usahawan yang berjaya.



- membuka gerai makanan
- menjual kuih-muih



- menarik perhatian pelanggan
- melayan pelanggan dengan mesranya
- mengucapkan terima kasih



- banyak pelanggan berkunjung
- laris
- mendapat untung



- jualan habis
- gembira
- perniagaan berjaya

Nota Guru

- Bimbing murid bercerita.
- Minta murid memberikan isyarat untuk menilai persembahan rakan mereka.

KBAT – Mencipta

Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Keusahawanan





Baca dan sampaikan.

Usahawan Pau Cendawan

Mesej baharu

Daripada: aidil71@posmel.com

Kepada: dinesh26@posmel.com

Perkara: Usahawan Pau Cendawan

Apa khabar, Dinesh? Terima kasih atas kiriman e-mel tempoh hari. Wah, meriah sungguh Karnival Keusahawanan sekolah kamu! Kamu memang berbakat menjadi usahawan.

Dalam e-mel ini, saya ingin bercerita tentang kisah kejayaan ibu saudara saya. Beliau usahawan pau cendawan yang berjaya. Perniagaan beliau sangat maju.

Para pelanggan amat menggemari pau cendawan beliau. Kuih itu sangat lembut dan rasanya enak sekali. Kuih itu berintikan isi ayam dan cendawan yang dipotong halus.

Sebelum berjaya, ibu saudara saya pernah mengalami kegagalan. Namun begitu, beliau tidak berputus asa. Beliau terus berusaha dengan gigihnya.

Bak kata pepatah, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Berkat usahanya, kini beliau digelar usahawan berjaya.

Saya berazam untuk mengikut jejak beliau menjadi usahawan. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Sekian, terima kasih.



Apakah ciri usahawan yang berjaya?



Gaya Penyampaian



baik



sedehana



kurang memuaskan

Nota Guru



- Bimbing murid membaca teks dengan gaya penyampaian yang sesuai.
- Minta murid menilai bacaan rakan mereka.
- Minta murid memberikan pendapat.

KBAT – Menilai Strategi PdP: BCB – Bacaan Mekanis EMK: Keusahawanan

2.3.2



Edit dan murnikan ayat.

Usahawan Hebat

Nama beliau ialah Lee Thiam Wah.

Beliau ialah pengasas dan Pengarah Urusan 99 speed mart sendirian berhad.

Beliau lumpoh sejak kecil kerana diserang penyakit polio.

Beliau menjadi usahawan pasar mini yang berjaya.

Perniagaan beliau terdapat sambutan yang amat baik daripada orang ramai.

Pada tahun 2018 beliau dipunyai lebih daripada 1 000 buah pasar mini 99 Speedmart di Malaysia.



Nama beliau ialah Dato' Wan Mohammad Sani Salleh.


Beliau dilahirkan pada 24 Januari 1976 di Kuala Ibai, Kuala Terengganu, Terengganu.

Beliau ialah pemilik rangkaian bas ekspres yang terkenal dan pengasas Sani United Berhad.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai model dan penyanyi.

Sebelum bergelar usahawan yang berjaya, beliau pernah membuka bengkel memperbaiki kenderaan.

Beliau telah penerima Anugerah Usahawan Cemerlang Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Kuala Lumpur pada April 2009.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.
- Minta murid mengedit dan memurnikan kesalahan tersebut.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Keusahawanan

3.3.2





Ibu Mei Fung mengusahakan taman asuhan kanak-kanak atau taska. Nama taska beliau ialah Taska Riang Hati.

Beliau menjaga kanak-kanak di taskanya seperti **anak kandung**nya sendiri. Beliau mengasuh mereka dengan penuh kasih sayang.

Beliau amat **ringan tulang**. Beliau sering membantu pekerjaanya melakukan pelbagai tugas.

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Taska Riang Hati semakin maju. Banyak ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke taska itu.

Apakah rahsia kejayaan puan?
Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Nota Guru



- Bimbing murid bercerita dan mengujarkan dialog.
- Minta murid bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: Verbal-linguistik

EMK: Nilai Murni – Kegigihan

4.1.1




Ayat Aktif

Berniaga dari Rumah

Ibu Najwa mengusahakan perniagaan makanan. Makanan yang diusahakan itu ialah rojak buah. Beliau menjalankan perniagaan secara dalam talian. Perniagaan yang dijalankannya itu ialah perniagaan keluarga.

membuat



Ibu Najwa _____

Najwa _____

memasukkan




menghantar



Abang Najwa _____

Para pelanggan _____

menggemari



CELIK BAHASA

Ayat aktif ialah ayat yang mengandungi kata kerja aktif transitif yang diikuti oleh objek. Objek terdiri daripada kata nama.

Contoh: Puan Alia membeli nasi lemak.

subjek

kata kerja aktif transitif

objek

Nota Guru

- Bimbing murid memahami ayat aktif.
- Minta murid membina ayat aktif berdasarkan bahan. KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Keusahawanan





Berceritalah berdasarkan bahan.

Bijak Membeli

Ayah Dinesh membeli seutas jam tangan baharu. Beliau membeli jam tangan itu di sebuah kedai jam yang berjenama.

- membeli jam tangan
- kedai jam
- ada waranti – jika rosak akan diganti secara percuma
- selepas tiga bulan
- jam tangan rosak
- membuat aduan
- menunjukkan kad waranti
- mendapat jam tangan baharu
- gembira dan berpuas hati



CELIK ILMU

Waranti ialah jaminan bertulis yang diberikan oleh syarikat kepada pembeli.

Sebutan

Intonasi



baik



sedehana



kurang memuaskan

Nota Guru



- Bimbing murid menceritakan bahan yang ditonton dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.
- Minta murid menyampaikan cerita, manakala rakan yang lain menilai persembahan.

KBAT – Mencipta

Strategi PdP: KP – Verbal-linguistik

EMK: Nilai Murni – Rasional

1.3.2



Baca teks.

Permainan Celik Wang

Selamat pagi murid-murid,


Sebelum kita memulakan Permainan Celik Wang, cikgu ingin memberikan penerangan tentang cara permainan ini dilaksanakan.

Permainan ini dimainkan seperti dam ular. Setiap pemain perlu membuat balingan dadu untuk bergerak ke petak-petak yang disediakan. Para pemain perlu tiba di petak “Bank Jaya” jika mahu menamatkan permainan ini. Namun begitu, dalam perjalanan ke sana, para pemain akan menempuh pelbagai cabaran.

Terdapat petak-petak yang bertanda “Jimat”, “Menyimpan” dan “Menabung”. Jika pemain berhenti di petak-petak ini, pemain akan memperoleh mata ganjaran. Selain itu, terdapat petak-petak yang bertanda “Hutang”, “Boros” dan “Bazir”. Jika pemain berhenti di petak-petak ini, mata ganjaran pemain akan dipotong.

Mata ganjaran ialah kepingan kertas yang mewakili wang bernilai RM5.00, RM10.00, RM50.00 dan RM100.00. Pemain yang berjaya tiba di petak “Bank Jaya” dengan mata ganjaran terbanyak akan dianggap sebagai pemenang.

Baiklah. Sekiranya semua pemain sudah faham, mari kita mulakan permainan ini sekarang.





Tulis jawapan.

Fikir Dahulu

Gauri membaca maklumat dalam sebuah majalah. Dalam majalah itu tersiar peringatan penting daripada Bank Negara Malaysia.

MAJALAH RINGGIT

Awas, Penipuan Kewangan!

(Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan) BNMTLELINK

Jika ada keraguan,
sila hubungi

1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

45

(Sumber: Bank Negara Malaysia)

- 1 Gauri membaca maklumat tentang apa?
- 2 Peringatan penting daripada Bank Negara Malaysia itu diperolehi daripada mana?
- 3 Peringatan itu ditujukan kepada siapa?
- 4 Bagaimanakah kita dapat menghubungi pihak Bank Negara Malaysia?
- 5 Mengapakah kita perlu berhati-hati terhadap panggilan dan mesej palsu?

Nota Guru



- Bimbing murid menghasilkan jawapan daripada soalan bertumpu dan bercapah.
- Minta murid menulis jawapan.

KBAT – Menganalisis

Strategi PdP: Konstruktivisme

EMK: Nilai Murni – Berwaspada

3.2.2



Seni Bahasa

Bekerja sambil Belajar

Abang Gauri pernah menuntut di sebuah universiti di ibu kota. Perbelanjaan hidup di ibu kota agak tinggi. Semasa cuti semester, abang Gauri bekerja sebagai juruwang di sebuah kompleks beli-belah.

Abang Gauri telah berjaya menamatkan pengajiannya. Kini, beliau bertugas di Bank Negara Malaysia. Beliau amat baik hati. Beliau selalu memberikan wang saku kepada Gauri.

Gauri, ini wang saku kamu.

Terima kasih, abang.
Abang, itu tulisan apa?

Ini tulisan Jawi. Tulisan ini ada pada semua wang kertas **Ringgit Malaysia**. Nama **Bank Negara Malaysia** ini ditulis dalam tulisan Jawi.



بنك نكارا مليسيا

Bank Negara Malaysia

ريگيت مليسيا

Ringgit Malaysia





Ayat Susunan Biasa dan Susunan Songsang

Urusan di Bank

032
KAUNTER 1



Ayat Susunan Biasa

1. Puan Shanti ke bank.
2. Beliau membuka akaun simpanan.
3. Dinesh mengikut ibu ke sana.
4. _____
5. Encik Ming sedang menunggu giliran.
6. _____

Ayat Susunan Songsang

1. Ke bank Puan Shanti.
2. Membuka akaun simpanan beliau.
3. _____
4. Sedang mengisi borang Encik Nizam.
5. _____
6. _____



CELIK BAHASA

Ayat susunan biasa ialah ayat yang subjeknya di hadapan dan predikatnya di belakang.
Contoh:

Puan Shanti pergi ke bank.
 └───┬───┘ └───┬───┘
 subjek predikat

Ayat susunan songsang ialah ayat yang predikatnya dikedepankan mendahului subjeknya.
Contoh:

Pergi ke bank Puan Shanti.
 └───┬───┘ └───┬───┘
 predikat subjek

Nota Guru



- Bimbing murid memahami dan membina ayat susunan biasa dan susunan songsang.
- Minta murid menulis ayat tersebut.
KBAT – Mengaplikasi Strategi PdP: Konstruktivisme EMK: Pendidikan Kewangan



PEMULIHAN

A. Berikan respons.

Mengapakah kamu mengumpulkan buku, majalah dan surat khabar lama itu?



menjual

Apakah yang mahu kamu lakukan dengan duit itu?



menyimpan wang

B. Baca cerita dengan gaya penyampaian yang sesuai.


Dompot berkawan baik dengan Tabung. Mereka tinggal serumah. Pada suatu hari, mereka berbual-bual.

“Hai, Tabung! Gembira sungguh kamu hari ini. Ada berita baik?” tanya Dompot.

“Ya, Dompot. Saya amat gembira kerana badan saya semakin berisi. Tuan kita sungguh rajin menabung,” jawab Tabung.

Dompot tersenyum. Dia bersetuju dengan kata-kata Tabung. Tuan mereka suka berjimat cermat. Beliau juga pandai mengurus wang.

Dompot dan Tabung sentiasa berasa selamat. Mereka dijaga dengan baiknya. Tuan mereka sentiasa berwaspada agar mereka tidak hilang atau dicuri.



Gaya Penyampaian



baik



sedehana



kurang memuaskan

- Minta murid menilai persembahan rakan mereka.



PENGAYAAN

Tugasan 1

25 markah

MULA



Bina ayat tanya tentang wang.

Bina ayat aktif tentang wang.

Bina ayat susunan biasa tentang wang.

Bina ayat susunan songsang tentang amalan berjimat cermat.

Panduan Permainan

1. Permainan ini dimainkan oleh tiga orang pemain, iaitu Pemain 1, Pemain 2, dan Pemain 3.
2. Pemain 1 mewakili Kumpulan Merah, Pemain 2 Kumpulan Kuning, dan Pemain 3 Kumpulan Biru.
3. Guru akan menentukan pemain-pemain tersebut.
4. Setiap pemain perlu melakukan tugas mengikut warna kumpulan.
5. Hasil tugas perlu dipersembahkan di hadapan kelas.
6. Guru menjadi juri bagi setiap tugas dan memberikan mata ganjaran.
7. Pemain yang tidak menyiapkan tugas tidak dibenarkan untuk melakukan tugas seterusnya.
8. Pemain yang dapat mengumpulkan mata ganjaran paling banyak akan dikira sebagai pemenang.

Nyanyikan lagu "Kami Bijak Berbelanja" di halaman 146 secara kreatif.

Bina ayat susunan songsang tentang amalan menabung.



Bina ayat susunan songsang tentang wang belanja sekolah.

Nyanyikan lagu "Kami Bijak Berbelanja" di halaman 146 secara kreatif.

Lakonkan aksi peniaga menjual buah-buahan di pasar malam.

Lakonkan aksi peniaga menjual buah-buahan di pasar malam.

Lakonkan aksi peniaga menjual buah-buahan di pasar malam.

Nyanyikan lagu "Kami Bijak Berbelanja" di halaman 146 secara kreatif.

Tugasan 3

25 markah

25 markah

Tugasan 4

25 markah

Tugasan 2



A. Edit dan murnikan teks.

Panduan Pembelian Bijak

1. Sediakan senarai barangan yang mahu dibeli sebelum membuat pembelian.
2. Jangan mudah dipengarohi oleh iklan dan janji manis penjual.
3. Buat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barangan.
4. Kurangkan pembelian barangan berjenama dan perbelanjaan mewah.
5. Belilah barangan yang bekasnya boleh menggunakan semula.
6. Ingat elakkan amalan berhutang. sebaik-baiknya belilah barangan secara tunai.



B. Bina ayat susunan biasa atau ayat susunan songsang.

1.



Ayat Susunan Biasa: Jofri membeli pensel.
Ayat Susunan Songsang: _____

2.



Ayat Susunan Biasa: Aidil mengira wang baki.
Ayat Susunan Songsang: _____

3.



Ayat Susunan Biasa: _____
Ayat Susunan Songsang: Menyimpan wang Chun Han.

4.



Ayat Susunan Biasa: _____
Ayat Susunan Songsang: Pandai berniaga Najwa.





PENILAIAN

A. Tulis jawapan berdasarkan soalan.

Setiap bulan, Mei Fung akan mencatat perbelanjaannya. Dia mencatat perbelanjaannya dalam rekod perbelanjaan bulanan. Berdasarkan rekod itu, Mei Fung dapat mengurus perbelanjaannya dengan lebih baik.

Rekod Perbelanjaan Bulanan Mei Fung

Tarikh	Pembelian	Harga
1 September 20□□	bekas pensel	RM10.00
4 September 20□□	raket badminton	RM25.00
8 September 20□□	buku cerita	RM15.00
15 September 20□□	hadiah hari lahir adik	RM10.00
28 September 20□□	buku latihan Matematik	RM8.00
Jumlah		RM68.00

1. Apakah yang dibeli oleh Mei Fung pada 1 September 20□□?
2. Berapakah harga raket badminton?
3. Bilakah Mei Fung membeli buku cerita?
4. Mengapakah Mei Fung membuat rekod perbelanjaan?
5. Apakah yang akan terjadi jika Mei Fung tidak mencatat perbelanjaannya? 
6. Bagaimanakah Mei Fung dapat mengurus perbelanjaannya dengan lebih baik? 

B. Bina ayat tanya dan ayat aktif berdasarkan gambar.

1.



2.



3.





Bacaan Luas

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) ialah skim yang direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tujuan pendidikan tinggi. Skim simpanan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia.

Terdapat dua jenis skim simpanan yang ditawarkan oleh PTPTN, iaitu SSPN-i dan SSPN-i Plus. Kedua-dua jenis skim simpanan ini mempunyai banyak kelebihannya.

Skim simpanan ini dijamin oleh kerajaan. Penyimpan tidak perlu bimbang akan keselamatan wang simpanan mereka. Penyimpan juga akan memperoleh dividen atau keuntungan pada setiap tahun dan mendapat perlindungan takaful.

Ibu bapa amat digalakkan untuk membuka akaun simpanan SSPN demi kepentingan pendidikan anak-anak mereka. Hal ini penting, terutamanya apabila anak-anak mereka menuntut di institut pengajian tinggi. Penuntut diwajibkan mempunyai akaun simpanan ini jika mahu memohon pinjaman pendidikan PTPTN.

SSPN ialah skim simpanan yang istimewa. Skim ini dapat memberikan manfaat kepada para penyimpan. Selain itu, skim ini juga dapat memupuk amalan menabung dalam kalangan masyarakat.

(Sumber: www.ptptn.gov.my)



SSPN

SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

**Simpan, Simpan, Simpan,
Jaminan Masa Depan**